

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB
CANSELOR (AKNC)
2025
FAKULTI SAINS GUNAAN
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

MOHD. ROZI BIN AHMAD

KETUA UNIT KUALITI :

NUR AIMI BINTI JANI

PENYELARAS :

SITI HASNAH BINTI KAMARUDIN

PENULIS :

1. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
2. HAIRUL AMANI BT ABDUL HAMID
3. HAIRUL AMANI BT ABDUL HAMID
4. MUHAMAD FAREEZ BIN ISMAIL
5. NUR HAMIZAH BINTI MOHD ZAKI
6. SITI HASNAH BINTI KAMARUDIN
7. SITI HASNAH BINTI KAMARUDIN

8. SUZANA BINTI RATIM
9. ASMEDA BINTI RAJAB
10. RABIATULADAWIYAH BINTI MD AKHIR
11. SHARIFAH NORMULIAWATI BINTI SYED AHMAD
12. FAIRUZAH ZAHAROS BINTI MANSOR
13. NURUL HIDAYAH BINTI ADENAN
14. NURUL LATIFFAH BINTI ABD RANI
15. HEDZLIN BINTI ZAINUDDIN
16. HEDZLIN BINTI ZAINUDDIN
17. SABIHA HANIM BINTI SALEH
18. AINNUR - SHERENE BINTI KAMISAN
19. WAN NOR RAIHAN BINTI WAN JAAFAR
20. SITI AIMI SARAH BINTI ZAINAL ABIDIN
21. SITI AIMI SARAH BINTI ZAINAL ABIDIN
22. SYAIFUL BIN OSMAN
23. MOHD FADHLI BIN HAMDAN
24. TAY CHIA CHAY
25. SITI NURBAYA BINTI SUPARDAN
26. NUR AIMI BINTI JANI
27. MOHAMMAD NORAKMAL BIN MOHAMAD ALI
28. NOOR SUZIRA BINTI SAPPIE
29. NUR AMALINA BINTI MUSTAFFA
30. NOOR HIDAYAH BINTI PUNGOT
31. MUHAMMAD NAZIZ BIN SAAT
32. KAVITHA @ KARPUKAM THEVI A/P S RAJAGOPAL
33. AZRENA BINTI ABDUL KARIM
34. NAJMAH BT P.S. HASSAN
35. MOHD IZWAN BIN MOHAMAD YUSOF
36. MOHD SALLEH BIN ROFIEE
37. NAFISAH BINTI MUSA

38. MOHD AZIZI BIN NAWAWI
39. ASMIDA BINTI ISMAIL
40. SITI RASHIMA BINTI ROMLI
41. SITI RASHIMA BINTI ROMLI
42. ROSLINDA BINTI FAUZI
43. ROSLINDA BINTI FAUZI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

KEPIMPINAN BERWAWASAN, MENGEMUDI INSAN, MENYEMAI MASA DEPAN

Kepimpinan Pengurusan Kanan FSG dan Kepimpinan Persatuan Pelajar FSG memberi penekanan utama kepada bidang tumpuan iaitu pengurusan dan pembangunan pelajar ke arah pencapaian *Globally Respected 2024*. Objektif Kualiti fakulti dan inisiatif strategik FSG 2024 telah dilaksanakan mengikut arus transformasi kedua UiTM2025: *Globally Competent* yang mendukung halatuju UiTM GRU2025 selari dengan **Model Perancangan Kepimpinan Kanan FSG** yang merangkumi 3 bahagian utama iaitu **perancangan, pelaksanaan dan penilaian** yang berasaskan kerangka 5 tahun Pelan Strategik UiTM2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (2015-2025) (PPPM(PT)) dan Objektif Kualiti FSG 2019-2025 (OK). Sinergi barisan kepimpinan yang mantap terbukti apabila FSG telah **dinobatkan Anugerah Transformasi Kecemerlangan *Globally Respected 2024: Pillar 2* (*Turning Globally Respected Students*)** di Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2024.

Plan - Perancangan kepimpinan mampan FSG selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 dan **slogan #fsgpadu** telah **menyokong 53 PI berasaskan 6 teras “Global Talent”** dalam bidang tumpuan. Keberkesanan kepimpinan diperkasa melalui mandat yang diberikan kepada Penyelaras Perancangan Strategik, Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan unit berkaitan (Kualiti, Pengurusan Risiko dan Korporat) bagi memikul amanah berdasarkan fungsi masing-masing.

Do - Transformasi pelaksanaan bidang tumpuan telah **digerakkan oleh unit Hal Ehwal Pelajar (HEP)** fakulti yang diterjemah melalui **lantikan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF)** dan juga unit **Hal Ehwal Akademik (HEA)** yang bertanggungjawab melaksanakan *FSG_Future Science Generation* melalui 5 program iaitu *Sci-fi Cultural Showcase, Future Science Symposium, FSG Nexus Fusion, FSG Innovatorium* and *Applied Science Arena*. Setiap inisiatif dipantau secara berkala melalui proses pemantauan akademik pelajar, perolehan geran, penerbitan berindeks, inovasi, jaringan industri, mobiliti, kebudayaan, kesukarelawananan dan sukan bagi memastikan segala perancangan tercapai.

Check - Pemantauan yang berkesan dilaksanakan melalui 3 mekanisme iaitu **Tadbir Urus FSG, Sistem UePMO, unit HEP** dan **HEA** yang dipraktikkan berasaskan model kecemerlangan *Malcolm Baldrige Excellence Framework* dan Manual Tadbir Urus FSG. **Pemantauan berkala dan sistematik** telah dilaksanakan secara atas talian oleh Penyelaras Pengurusan Risiko menggunakan sistem **e-RMS** dan **Penyelaras Strategik & Transformasi (sistem UePMO)**. Prestasi setiap inisiatif dibentangkan kepada Pengurusan Kanan oleh Pejabat Transformasi Universiti (TRU) dan dikongsikan di dalam **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** dan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan mengikut takwim.

Act - Penambahbaikan berkaitan akademik, penyelidikan, penerbitan dan inovasi dilaksanakan melalui **hasil dapatan MPE, MKSP dan input warga FSG**. Mekanisme penambahbaikan yang dipraktikkan adalah melalui **Laporan Audit Dalam FSG, Laporan Audit Luar InQKA, sumbang saran menerusi mesyuarat berkala HEP dan analisa SWOT** ketika bengkel strategik. Penambahbaikan berkaitan program pelajar, mobiliti, penerbitan, geran dan peluang kolaborasi telah dilaksanakan melalui penganjuran bengkel, webinar, inovasi laman sesawang HEP, sistem SETELUS dan juga *Picktime*.

Kepimpinan Pengurusan Kanan FSG yang berkesan, **ibarat nakhoda mengemudi kapal**, telah menjulang **kejayaan dalam pengurusan dan pembangunan pelajar** melalui perancangan teliti, pemantauan berkesan dan penambahbaikan berterusan. FSG meraih pelbagai anugerah kecemerlangan akademik seperti **Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman**

UiTM, Anugerah Cemerlang Penyelidikan Alumni UiTM, dan Anugerah Penyelidikan Cemerlang UiTM serta beberapa anugerah lain pada Konvokesyen UiTM ke-99 dan ke-100. Ketampakan global FSG turut dibuktikan dengan kejayaan melahirkan pelajar bertaraf ***Globally Respected Super Bumiputera Student*** serta pelantikan pelajar dalam agensi antarabangsa.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Seiring dengan aspirasi UiTM dalam mencapai Misi dan Visi UiTM2025 ke arah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, FSG telah merealisasikan transformasi model pengurusan dan kepimpinan pelajar dengan mengambil kira faktor jumlah pelajar prasiswazah dan pascasiswazah.

Kecekapan kepimpinan FSG terserlah dalam **mengurus 4,394 pelajar (4034 prasiswazah dan 360 pascasiswazah)**. FSG menginovasikan struktur kepimpinan seimbang yang melibatkan gabungan staf berpengalaman dan pelajar muda berkaliber dalam barisan **Kepimpinan Pengurusan Kanan dan Persatuan Pelajar** (Rajah 1.2(1a)). Kepimpinan ini disokong oleh **pengurusan HEP, HEA, PJIA** dan makmal (Rajah 1.2(1b–1e)). Wakil **MPP dan jawatankuasa SMF FSG** diberi kepercayaan mewakili suara pelajar dan menyampaikan aspirasi kepada pengurusan fakulti dan universiti.

Berfokuskan tema perancangan strategik 2024 (*Globally Respected*), barisan kepimpinan dan pembangunan pelajar telah menggerakkan **53 PI** yang diturunkan kepada FSG melalui **10 Inovasi Kaedah Kepimpinan** (Rajah 1.2(2a)) seperti berikut:

- i) **Berpaksikan 6 teras “Global Talent”** (Rajah 1.2(2b)) yang memfokuskan kepimpinan, sukan, kebudayaan, keusahawanan, mobiliti dan jaringan antarabangsa serta kesukarelawanan dan kemanusiaan.
- ii) Mempraktikkan **pengurusan sistematik** melalui **Model perancangan #fsgpadu** dan **Model Perancangan dan Tindakan FSG** (Rajah 1.2(2c)).
- iii) **Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Strategik FSG** telah direalisasikan melalui kerjasama Kepimpinan Pengurusan Kanan FSG, Kepimpinan Persatuan Pelajar dan Penyelaras Perancangan Strategik, selaras dengan **Model Penjajaran Strategik FSG 2024** (Rajah 1.2(2d)).
- iv) **Pelaksanaan Objektif Kualiti (OK)** secara pragmatik demi memastikan pelan perancangan dilaksanakan di bawah kawalan kualiti terbaik (Rajah 1.2(3a)).
- v) **Pengurusan dan pemantauan kewangan** melalui Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Pelajar (JPPP) dan Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti (MTAF) untuk melancarkan aktiviti bidang tumpuan (Rajah 1.2(3b)).
- vi) **Pemantapan penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan** oleh Pejabat PJIA dan Pusat Pengajian Siswazah FSG, *Entrepreneurial Society for the Faculty of Applied Sciences* (ESAS), MASMED (Rajah 1.2(3c)) dan usaha sama dengan penyelia bagi memacu agenda bidang tumpuan (Rajah 1.2(3d)).
- vii) **Memperkasakan Program Mentor-Mentee “Ex-officio”**. Ini terbukti apabila pelajar FSG berjaya membimbing pelajar *junior* sehingga terhasilnya kejayaan program (Rajah 1.2(3e)).
- viii) **Keperihatinan sosial** dengan meluluskan program SULAM peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- ix) **Menyokong Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)** dengan meluluskan penglibatan staf dalam konferensi, seminar, forum, kursus dan webinar, secara bersemuka dan maya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Rajah 1.2(4a)).
- x) **Membudayakan program pengiktirafan dan penghargaan (*appreciation and award*)** kejayaan cemerlang pelajar di dalam bidang tumpuan (Rajah 1.2(4b)).

Perancangan sistematik kepimpinan ini telah mengambil kira **elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan** yang dilaksanakan dan direalisasikan bersama warga FSG secara efektif melalui **2 inisiatif baharu** iaitu:

i) **Pemeriksaan laman sesawang HEP** (Rajah 1.2(4c)) melalui menu hebahan semasa, aktiviti persatuan, rujukan, dan muat turun membantu pelajar mendapatkan maklumat umum dan semasa serta garis panduan yang melancarkan operasi pembangunan pelajar.

ii) Pelaksanaan **iniatif baharu** dalam **penstrukturan persatuan pelajar** berasaskan “*Global Talent*” memfokuskan penjimatan kos, peningkatan kecekapan dan perluasan penyertaan (Rajah 1.2(5a))

Kepimpinan FSG yang cemerlang dan sistematik terbukti melalui kejayaan pelajar meraih pelbagai **anugerah di Istiadat Konvokesyen UiTM dan juga konferensi antarabangsa** (Rajah 1.2(5b)) serta **peningkatan skor i-UiTM** kepada 98.6% dan **pencapaian SAP tertinggi** pada tahun 2024 (Rajah 1.2(5c)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_K01_KB02_20251_FSG_Lampiran_Kepimpinan 1.2\(1\). 18082025.pdf](#)
2. [K0019_K01_KB02_20252_FSG_Lampiran_Kepimpinan 1.2\(2\). 18082025.pdf](#)
3. [K0019_K01_KB02_20253_FSG_Lampiran_Kepimpinan 1.2\(3\). 18082025.pdf](#)
4. [K0019_K01_KB02_20254_FSG_Lampiran_Kepimpinan 1.2\(4\). 18082025.pdf](#)
5. [K0019_K01_KB02_20255_FSG_Lampiran_Kepimpinan 1.2\(5\). 18082025.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PERANCANGAN PERLUASAN MAPAN, PEMACU KEGEMILANGAN FAKULTI

Kepimpinan Pengurusan Kanan FSG dan Kepimpinan Persatuan Pelajar telah bertindak secara efisien bagi mendukung Misi dan Visi UiTM2025 di dalam bidang tumpuan dengan memperkasakan OK FSG dan Pelan Strategik FSG agar halatuju UiTM2025 dapat direalisasikan dengan jayanya.

Strategi utama bidang tumpuan telah dilaksanakan dengan berkesan melalui sokongan padu Pengurusan Kanan terhadap penglibatan pelajar FSG dalam pelbagai latihan, kursus dan program (Rajah 1.3(1a)), seperti program Mentor-Mentee “*Ex-officio*” (Rajah 1.3(1b)), penerbitan jurnal FSG (Rajah 1.3(1c)), penglibatan dalam penyelidikan dan pengkomersialan produk FSG (Rajah 1.3(1d)), menggalakkan jalinan industri (Rajah 1.3(1e)), mobiliti pelajar (Rajah 1.3(1f)), aktiviti sukan (Rajah 1.3(1g)) dan program kebudayaan pelajar (Rajah 1.3(1h)).

Kepimpinan cekap FSG menjadi tunjang utama bagi pelaksanaan OK FSG dan Pelan Strategik FSG sehingga ke seluruh sistem UiTM melibatkan warga FSG yang proaktif dalam mencapai halatuju UiTM2025. Penyebaran dan pengamalan strategi turut dilaksanakan secara meluas melalui 3 peringkat perluasan kepimpinan FSG (Rajah 1.3(2a)).

a) PERLUASAN DI PERINGKAT FSG:

- i) **Taklimat** Sesi Pengurusan Kanan FSG bersama pelajar dan Program “*Get To Know Day*” (Rajah 1.3(2b)).
- ii) **Pembentangan di MPE** bagi membuat keputusan mengenai bidang tumpuan (Rajah 1.3(2c)).
- iii) **Pemakluman** melalui media elektronik (*WhatsApp, e-mel, Tiktok, Instagram, Facebook, YouTube*) (Rajah 1.3(2d)).
- iv) **Pemeriksaan laman sesawang** utama FSG dan HEP FSG sebagai platform sumber maklumat.
- v) **Perkongsian kejayaan pelajar** dalam anugerah cemerlang, inovasi dan mobiliti di laman sesawang HEP FSG (Rajah 1.3(2e)).
- vi) Penglibatan pelajar yang inklusif dalam program **Thesis Bootcamp** bagi mencapai sasaran bilangan GOT (Rajah 1.3(2f)).

(b) PERLUASAN PERINGKAT UiTM DAN KEBANGSAAN:

- i) Amanat Naib Canselor 2024 dan perubahan struktur Kepimpinan Persatuan Pelajar FSG sejajar dengan dasar UiTM dan KPT dipaparkan **di laman sesawang HEP FSG** (Rajah 1.3(3a)).
- ii) Pemakluman struktur Kepimpinan Persatuan Pelajar melalui **media elektronik** (*Instagram, Tiktok, LinkedIn dan YouTube*) (Rajah 1.3(3b)).
- iii) **Penglibatan proaktif pelajar dalam pengkomersialan produk FSG** dengan kerjasama BITCOM dan syarikat pemula FSG (Rajah 1.3(3c)).
- iv) **Perkongsian kejayaan pelajar** dalam bidang akademik, penyelidikan dan penerbitan, inovasi penyelidikan, mobiliti latihan industri dan kesukarelawan (Rajah 1.3(3d)).

(c) PERLUASAN PERINGKAT ANTARABANGSA:

- i) **Kolaborasi bersama universiti dan institusi antarabangsa**, khasnya dari Jepun, Korea, Thailand dan Indonesia (Rajah 1.3(4a)).
- ii) **Program outbound** pelajar FSG di peringkat antarabangsa melibatkan pertukaran pelajar

senarai buktinya sebagai berikut (Rajah 1.3(1)):

iii) **Program inbound** pelajar FSG di peringkat antarabangsa (*Summer Program FSG*) dan melibatkan pelajar sebagai *buddie* (Rajah 1.3(4c)).

iv) Penglibatan pelajar di **konferensi antarabangsa** (Rajah 1.3(4d)).

v) Program '**FSG SULAM International Roselle Valley**' di Bali, Indonesia (Rajah 1.3(4e)).

Perancangan perluasan yang menyeluruh dan mapan di peringkat UiTM dan antarabangsa terbukti berkesan dengan pencapaian **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2024** (Rajah 1.3(5a)), **penerbitan artikel jurnal Q1** hasil kolaborasi bersama universiti dan institusi antarabangsa (Rajah 1.3(5b)) serta ketampakan aktif pelajar dalam bidang pengkomersialan dan program sukarelawan di media massa (Rajah 1.3(5c)). Pengiktirafan **Graduate Employability dalam bidang Sains dan Teknologi Makanan** membuktikan keberkesanan kepimpinan FSG merancang dan melaksanakan Pelan Strategik FSG dalam bidang tumpuan (Rajah 1.3(5d)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB03_20251_FSG_Lampiran_Kepimpinan_1.3\(1\)_18082025.pdf](#)
2. [K0019_K01_KB03_20252_FSG_Lampiran_Kepimpinan_1.3\(2\)_18082025.pdf](#)
3. [K0019_K01_KB03_20253_FSG_Lampiran_Kepimpinan_1.3\(3\)_18082025.pdf](#)
4. [K0019_K01_KB03_20254_FSG_Lampiran_Kepimpinan_1.3\(4\)_18082025.pdf](#)
5. [K0019_K01_KB03_20255_FSG_Lampiran_Kepimpinan_1.3\(5\)_18082025.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan FSG melaksanakan **pemantauan secara sistematik dan holistik** dalam menerajui pengurusan dan pembangunan pelajar ke arah pencapaian *Globally Respected 2024*, sekaligus melahirkan pelajar seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi, jasmani serta kepimpinan. Bagi memastikan keberkesanan inisiatif ini, data dan maklumat hasil pemantauan dianalisa secara berterusan untuk mengenalpasti penambahbaikan.

Sehubungan itu, Pengurusan Kanan FSG menerapkan **Model Kecemerlangan *Malcolm Baldrige Excellence Framework*** (Rajah 1.4.1(1a)) dan **Manual Tadbir Urus FSG** (Rajah 1.4.1(1b)) sebagai rujukan utama dalam melaksanakan pemantauan, menganalisa keberkesanan strategi, serta melaksanakan tindakan penambahbaikan secara berfasa dan berimpak tinggi.

Inisiatif bersasar dilaksanakan melalui **pendekatan *Top-Down* dan *Bottom-Up*** (Rajah 1.4.1(1c)) untuk memastikan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar seiring dengan halatuju UiTM2025. Kemajuan bidang tumpuan dipantau melalui mekanisme yang jelas dan sistematik oleh Pengurusan Kanan, HEP FSG, Unit Kualiti dan Unit Pengurusan Risiko FSG (Rajah 1.4.1(2a)). Dapatkan daripada siri mesyuarat pengurusan seperti MPE, PPSM, MTAf, JAF, JKAPS, MKSP, dan MJP (Rajah 1.4.1(2b)) digunakan untuk menyemak keberkesanan pelaksanaan dan merancang penambahbaikan seterusnya.

Pemantauan turut diperkasa melalui **Audit Dalam SWA-Instrumen dan Audit Luar iQMS** bagi memastikan pematuhan kepada piawaian ISO 9001:2015. Objektif kualiti FSG dipantau oleh Unit Kualiti menerusi Jawatankuasa Analisa Data (Rajah 1.4.1(3a)) dan turut diaudit oleh Audit Luar iQMS pada 15-17 Oktober 2024 (Rajah 1.4.1(3b)). Hasil pemantauan ini telah dianalisa dan digunakan untuk mengenalpasti ruang penambahbaikan.

Pemantauan berkala juga telah dilaksanakan melalui **sistem UePMO, UiSMS dan e-RMS** (Rajah 1.4.1(4a)), yang membolehkan pengesanan prestasi secara *real time*. PSTU FSG bersama dengan Unit Korporat FSG turut memainkan peranan penting dalam melaporkan pencapaian dan menyebarkan hasil bidang tumpuan, sekaligus meningkatkan ketampakan FSG di peringkat antarabangsa (Rajah 1.4.1(4b)).

Transformasi bidang tumpuan turut digerakkan oleh HEP melalui penubuhan **7 persatuan dalaman FSG** yang dikendalikan oleh 141 pelajar (Rajah 1.4.1(5a)). Aktiviti persatuan ini dipantau secara sistematik oleh JPPP (Rajah 1.4.1(5b)) untuk memastikan pelaksanaan inisiatif strategik selari dengan pelan yang dirancang.

Proses pemantauan di semua peringkat dianalisa secara berstruktur dan telah menunjukkan impak positif melalui **pencapaian 6 bintang (>90%) Skor i-UiTM FSG** dalam **Anugerah Kecemerlangan Universiti (AKPU) 2024** (Rajah 1.4.1(5c)). Penambahbaikan berterusan berdasarkan dapatan pemantauan menjadi pemacu kepada pengukuhan bidang tumpuan secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_K01_KB04_KC01_20251_FSG_LampiranKepimpinan1.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB04_KC01_20252_FSG_LampiranKepimpinan1.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB04_KC01_20253_FSG_LampiranKepimpinan1.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0019_K01_KB04_KC01_20254_FSG_LampiranKepimpinan1.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0019_K01_KB04_KC01_20255_FSG_LampiranKepimpinan1.4.1\(5\).pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bertemakan '**Kepimpinan Holistik Tonggak Revolusi**', Pengurusan Kanan FSG bersama Kepimpinan Persatuan Pelajar komited memastikan kejayaan bidang tumpuan melalui pendekatan pengurusan risiko berpandukan ISO 9001:2015. **Lima langkah utama** dilaksanakan iaitu mengenalpasti risiko, punca risiko, pengkelasan tahap risiko, perancangan kawalan serta tindakan pencegahan risiko yang menyumbang kepada metrik prestasi pencapaian KPI fakulti, seperti digariskan dalam **Panduan Pengurusan Risiko FSG** (Rajah 1.4.2(1a)).

Aktiviti **pengurusan risiko** FSG 2024 telah **dirancang secara sistematik** oleh Ahli Jawatankuasa Pemilikan Risiko (Rajah 1.4.2(1b)) bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik mencapai piawaian dan sasaran PI yang ditetapkan (Rajah 1.4.2(1c)). Kesemua risiko yang melibatkan bidang tumpuan didaftarkan dalam **sistem e-RMS** (Rajah 1.4.2(2a)) dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko secara berkala (21/2/2024, 3/7/2024, dan 22/11/2024) bersama Pengurusan Kanan FSG (Rajah 1.4.2(2b)).

Laporan e-RMS 2024 menunjukkan risiko yang dilaporkan berada pada tahap rendah dan sederhana. Strategi kawalan telah dikenalpasti bagi menangani implikasi strategi, objektif, kewangan, operasi dan reputasi (Rajah 1.4.2(3a)). Antara risiko utama yang didaftarkan adalah pengurangan peruntukan kewangan tahunan yang diterima oleh unit HEP FSG yang menjejaskan pencapaian PI, seterusnya mempengaruhi impak program yang dijalankan. Selain itu, kehilangan aset dan inventori turut direkodkan menyebabkan pengoperasian pejabat dan PdP pelajar terjejas (Rajah 1.4.2(3b)).

Tindakan pencegahan kesemua risiko tersebut telah dirancang secara terperinci, di mana Pengurusan Kanan FSG telah memohon peruntukan dari unit lain seperti Jabatan HEP UiTM dan UiTM Global serta memohon sumbangan atau tajaan program dari pihak luar. Selain itu, 71 aktiviti pelajar telah diluluskan sepanjang tahun 2024 bagi memenuhi 6 teras bakat antarabangsa (Rajah 1.4.2(4a)). Unit HEP FSG bertindak proaktif menggalakkan dan memberi sokongan kepada persatuan dalaman untuk mengadakan aktiviti masing-masing dengan meluluskan peruntukan yang sewajarnya ke atas setiap aktiviti yang dijalankan (Rajah 1.4.2(4b)). Selain itu, HEP turut bekerjasama dengan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) dalam memperkenalkan Persatuan Dalaman Pelajar kepada 241 pelajar baru FSG pada 4/5/2024 (Rajah 1.4.2(4c)).

Tambahan pula, HEA mempergiatkan promosi dengan memperkenalkan program-program FSG secara fizikal dan atas talian serta menggalakkan penggunaan platform PdP dalam kurikulum bagi meningkatkan kadar enrolmen pelajar (Rajah 1.4.2(5a)). HEA juga turut melaksanakan pemantauan program mobiliti pelajar ke peringkat antarabangsa secara efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB04_KC02_20251_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB04_KC02_20252_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB04_KC02_20253_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_K01_KB04_KC02_20254_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_K01_KB04_KC02_20255_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(5\).pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FSG sentiasa komited menambah baik proses melalui kaji semula dan **tindakan penambahbaikan berterusan**. Hasil analisa ini dimanfaatkan secara menyeluruh, dan tindakan penambahbaikan yang efisien diambil melalui mesyuarat MKSP (Rajah 1.4.3(1a)). Hasil analisa ini turut dikongsi bersama warga (Rajah 1.4.3(1b)) dan pelajar (Rajah 1.4.3(1c)) bagi meningkatkan kefahaman dan penglibatan. Pemantauan risiko berterusan bidang tumpuan dilakukan melalui platform i-HEP FSG (Rajah 1.4.3(1d)).

Berdasarkan pemantauan risiko, isu kesihatan mental pelajar dikenalpasti sebagai risiko utama. Tindakan mitigasi melibatkan latihan pengurusan emosi telah dijalankan dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kerjaya (UKK) melalui program *Emotional Well-being* yang melibatkan 102 pelajar dan 7 staf (Rajah 1.4.3(1e)). Selain itu, HEP turut menganjurkan **International Webinar: Mental Health Awareness** bersama universiti antarabangsa yang disertai oleh 157 pelajar (Rajah 1.4.3(1f)).

Dalam memperkasakan kepimpinan pelajar, 6 pelajar telah ditaja untuk menyertai program kepimpinan universiti (Rajah 1.4.3(2a)). Selain itu, 5 program dibawah projek HEP yang didaftarkan melalui *FSG_Future Science Generation* di e-RMS digerakkan oleh persatuan dalaman (Rajah 1.4.3(2b)) dengan pemantauan JPPP (Rajah 1.4.3(2c)).

Pengurusan Kanan FSG juga meluluskan 7 program mobiliti antarabangsa termasuk **Program Sulam Antarabangsa: Roselle Valley 3.0** di Bali, serta latihan industri dan projek tahun akhir di beberapa universiti di Indonesia dan Thailand (Rajah 1.4.3(3a)). Penglibatan 15 pelajar antarabangsa melalui **Summer Programme FSG** pada 11 hingga 28 Ogos 2024 mengukuhkan kolaborasi berterusan dengan rakan strategik (Rajah 1.4.3(3b)).

Kejayaan **14 pelajar FSG** meraih **Gold Award** di pertandingan inovasi dan penyelidikan (Rajah 1.4.3(4a)) membuktikan kecemerlangan kepimpinan Pengurusan Kanan FSG dalam melahirkan pelajar FSG yang holistik dan berdaya saing. Seramai **8 pelajar FSG** diberi kepercayaan memegang jawatan dalam **agensi antarabangsa**, sekali gus mengukuhkan pencapaian ini (Jadual 1.4.3(4b)). Selain itu, **4 pelajar FSG** turut menerima **Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Penyelidikan UiTM** pada Konvokesyen ke-99 dan ke-100 (Rajah 1.4.3(4c)).

Sepanjang tahun 2024, sebanyak **71 aktiviti** (Rajah 1.4.3(5a)) telah diluluskan oleh Pengurusan Kanan FSG bagi menyokong Tonggak 2 – melahirkan pelajar Bumiputera yang diiktiraf dunia seiring visi GRU2024.

Untuk meningkatkan kadar enrolmen dan kebolehpasaran graduan, HEA FSG mengambil langkah proaktif melalui pelaksanaan misi akademik secara fizikal (Rajah 1.4.3(5b)) dan atas talian (Rajah 1.4.3(5c)) serta penjenamaan kurikulum melalui pembangunan program FUREC (*Future-Ready curriculum*).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB04_KC03_20251_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB04_KC03_20252_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB04_KC03_20253_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_K01_KB04_KC03_20254_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0019_K01_KB04_KC03_20255_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.3\(5\).pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penguatan bidang tumpuan ke arah **graduan holistik dan berdaya saing** merupakan agenda teras Pengurusan Kanan FSG dalam memperkasa objektif strategik FSG. Langkah proaktif memfokuskan kepada program pembangunan pelajar yang merangkumi aspek akademik, sahsiah, kepimpinan dan kebolehpasaran graduan. Moto '**Usaha, Takwa, Mulia**' menjadi inspirasi FSG dalam menerapkan nilai-nilai teras seperti integriti, profesionalisme, kerja berpasukan dan inovasi serta membudayakan nilai-nilai **ESI-IDART** (Rajah 1.5(1a)) dalam aktiviti pelajar. Kolaborasi dengan agensi industri, badan profesional, dan alumni (Rajah 1.5(1b)) turut diperkasa bagi meningkatkan pendedahan pelajar kepada dunia sebenar.

Integrasi teknologi turut dimanfaatkan secara optimum dalam memperkukuh pembangunan pelajar FSG. **Laman sesawang i-HEP FSG** merupakan inovasi yang telah dibangunkan bagi pemantauan aktiviti dan data secara holistik (Rajah 1.5(2a)). Selain itu, e-Portfolio, UFUTURE, dan Sistem Maklumat Pelajar (SIMS) digunakan untuk memantau perkembangan pelajar serta mengenalpasti keperluan intervensi awal (Rajah 1.5(2b)). Ini mencerminkan komitmen fakulti terhadap pendekatan *data-driven decision making* dalam usaha mengukuhkan kualiti pengurusan pelajar disamping meningkatkan literasi digital pelajar.

FSG turut menginstitusikan **sistem mentor-mentee** (Rajah 1.5(2c)) yang berkesan melalui program penasihat akademik (PA), dimana pensyarah bukan sahaja bertindak sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai pembimbing dan pemangkin pembangunan sahsiah pelajar. Sistem ini membolehkan pengawasan berterusan terhadap prestasi akademik serta kebajikan pelajar.

Di samping itu, Pengurusan Kanan FSG turut memberi penekanan kepada pembangunan bakat dan kemahiran insaniah (*soft skills*) pelajar melalui penyertaan dalam program kepimpinan, persatuan dalaman FSG, sukarelawan, penyelidikan, inovasi, serta pertandingan peringkat tempatan dan antarabangsa. Aktiviti pelajar ini ditadbir oleh JPPP FSG (Rajah 1.5(3a)). Aktiviti-aktiviti ini dijadikan medium untuk melatih pelajar menjadi individu yang yakin diri, mampu membuat keputusan bijak, dan bersikap proaktif dalam menyelesaikan masalah.

Ini terbukti apabila FSG memenangi **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: Pillar 2 (Turning Globally Respected Students)** di **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2024** (Rajah 1.5(4a)). Lebih membanggakan, **69 pelajar FSG** mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai **Globally Respected Super Bumiputera Student** dalam pelbagai bidang inovasi, penyelidikan, program mobiliti, menjalani latihan praktikal di syarikat antarabangsa/multinasional serta memegang jawatankuasa di agensi antarabangsa (Rajah 1.5(4b)). Hasil inovasi dan penyelidikan 4 pelajar FSG dinobatkan **Anugerah Emas di Negeri Sembilan International Exposition (NSIEx) 2024** (Rajah 1.5(4c)). 4 pelajar FSG turut menyertai **program mobiliti antarabangsa** di Universitas Brawijaya, Indonesia (Rajah 1.5(4d)). Selain itu, seorang pelajar pascasiswazah FSG dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Projek Pembangunan *SIRIM Industry Standards - SIRIM 67: 2024*, yang menjadi rujukan pelanggan dan institusi pajak gadai (Rajah 1.5(4e)).

Di samping itu, kebolehpasaran graduan (GE) FSG pada tahun 2024 mencatatkan **88.4%** pencapaian keseluruhan dengan **kadar GE melebihi 60% bagi semua program FSG** (Rajah 1.5(5a)). HEP FSG dengan kerjasama unit Kaunseling dan Kerjaya (UKK) menganjurkan program *Career and Counseling Outreach* pada Mei 2024 bagi meningkatkan peluang kerjaya pelajar FSG (Rajah 1.5(5b)). Secara keseluruhannya, usaha Pengurusan Kanan FSG amat komprehensif dan bersepadu dalam melahirkan graduan berkualiti tinggi yang mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB05_20251_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB05_20252_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(2\).pdf](#)

3. [K0019_K01_KB05_20253_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(3\).pdf](#)
4. [K0019_K01_KB05_20254_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(4\).pdf](#)
5. [K0019_K01_KB05_20255_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(5\).pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

STRATEGI PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF: MEMBENTUK PELAJAR *SUPER BUMIPUTERA*

PLAN – Perancangan Strategik (PS) Fakulti Sains Gunaan (FSG) dirangka selaras dengan aspirasi UiTM untuk muncul sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025 (GRU2025). Kerangka ini dibangunkan berasaskan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM(PT)) (2015–2025), Pelan Strategik UiTM2025, Pelan Strategik FSG 2024** dengan berpandukan **model #fsgpadu dan Objektif Kualiti FSG 2019–2025**. Menyambut gelombang transformasi keempat UiTM, FSG menggariskan fokus strategik terhadap pengukuhan hal ehwal pelajar sebagai **usaha menyokong penarafan 6 bintang MyRA**.

DO – Pada tahun 2024, sebanyak **67 Petunjuk Prestasi (PI) diperturunkan kepada FSG**, dengan 15% dipetakan secara langsung kepada hal ehwal pelajar. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, PI dikategorikan kepada lima kluster kecemerlangan iaitu Pentadbiran, Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Keusahawanan dan Penyelidikan. Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) memainkan peranan penting sebagai penggerak dan pemantau pelaksanaan. **SAP HEP FSG 2024** digerakkan melalui **inisiatif utama *Future Science Generation*** yang dilaksanakan menerusi lima projek teras: ***Futuris Science Symposium (FUSS), FSG Nexus Fusion, FSG Innovatorium, Applied Science Arena*** dan ***Sci-Fi Cultural Showcase*** selaras dengan pemetaan PI UiTM. **Penstrukturan semula organisasi persatuan pelajar** turut menyokong kelancaran pelaksanaan SAP, apabila 17 persatuan terdahulu digabungkan kepada tujuh persatuan utama. **Jawatankuasa setiap persatuan kini terdiri daripada pelajar merentas program dan disiplin**, sekali gus meningkatkan sinergi serta kecekapan pelaksanaan program berimpak tinggi di peringkat fakulti, universiti dan antarabangsa.

CHECK – Pemantauan dan semakan semula prestasi dijalankan secara konsisten berteraskan prinsip **PDCA (Plan–Do–Check–Act)**. Pemantauan dibuat menerusi tiga mekanisme utama - **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) & Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Sistem UePMO, UiSMS & e-RMS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Pelajar (JPPP)**. PSTU bertanggungjawab untuk mengakses sistem pelaporan (UePMO) dan membentangkan perkembangan inisiatif mengikut takwim MPE dan MKSP secara berkala, sama ada secara bersemuka atau dalam talian

ACT – Hasil dapatan dan maklum balas dari mesyuarat pengurusan serta warga fakulti digunakan untuk memperkukuh tindakan susulan yang dibincangkan di **Bengkel Pemurnian Perancangan Strategik**. Risiko berkaitan program pelajar dikenalpasti melalui pelbagai kaedah seperti audit dalam dan luar (SWA Akreditas dan iQMS) serta laporan teknikal. Selain itu, **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Pelajar (JPPP)** turut dilaksanakan secara inklusif dengan penglibatan pelajar yang membentangkan kertas kerja cadangan aktiviti, sekali gus memperkukuh nilai kebertanggungjawaban bersama. Langkah proaktif ini memastikan tindakan penambahbaikan bersasar dapat dilaksanakan secara berterusan dan selaras dengan objektif utama UiTM2025.

Sebagai hasilnya, PS FSG bukan sahaja dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh, malah turut memperlihatkan **sinergi warga fakulti sebagai faktor utama kejayaan FSG mengekalkan Skor i-UiTM melebihi 90% bagi lima tahun berturut-turut (2020–2024)**. Kejayaan ini diangkat ke peringkat tertinggi apabila FSG dinobatkan **Tempat Pertama Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024), kategori Kolej Pengajian/Fakulti** dengan kesemua inisiatif yang dirancang mencapai kadar pelaksanaan **100%**. **Kejayaan PS FSG 2024** dikongsi melalui **Program Bicarawara Strategi di peringkat UiTM**.

Peranan strategik PBL sebagai pemacu utama pembangunan pelajar membuktikan bahawa pengemblengan potensi mahasiswa secara terarah mampu mengangkat pencapaian fakulti ke aras tertinggi, sekaligus mencapai aspirasi UiTM melahirkan graduan holistik bertaraf global melalui agenda ***Turning Globally Respected Super Bumiputera Student (Pillar 2)*** dan tema ***"Globally Respected 2024, Locally Rooted"***.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik (PS) FSG menjadi pemacu usaha holistik ke arah pencapaian kecemerlangan fakulti yang lestari dan berimpak tinggi. PS FSG digarap berlandaskan Pelan Strategik UiTM2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 (PPPM(PT)), Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 dan Objektif Kualiti FSG 2019-2025 yang menekankan pembentukan graduan holistik, berciri keusahawanan serta berdaya saing global. Agenda Pemerksaan Mahasiswa turut disepadukan melalui komponen **Hal Ehwal Pelajar (HEP)** dalam **model #fsgpadu** yang menumpukan kepada **enam Teras Graduan** iaitu: Kepimpinan Pelajar, Kesukanan, Bakat Kebudayaan, Kesukarelawananan, Jaringan Kolaborasi Industri dan Keusahawanan (**Rajah 2.2(1a)**).

Justeru, PS FSG dilaksanakan mengikut lima kluster kecemerlangan iaitu Pentadbiran, Akademik, HEP, Keusahawanan dan PJIA dengan penekanan terhadap 67 Petunjuk Prestasi (PI) yang diturunkan oleh TRU (**Rajah 2.2(1b)**). Ini termasuk **10 PI khusus HEP (15%) (Rajah 2.2(1c))**. Pelaksanaan **SAP FSG 2024 diatur secara sistematik merangkumi lima fasa utama** bermula Disember 2023 hingga Februari 2024, melibatkan mesyuarat strategik (MPS1& MPS2), perancangan dan pendaftaran projek dalam sistem UiSMS serta bengkel pelaksanaan (**Rajah 2.2(2a), (2b), (2c)**). Hasilnya, prestasi HEP mencatat lonjakan **90% seawal Q3 dan mencapai 100% pada Q4 (Rajah 2.2(2d))**.

Perancangan yang mantap ini membuahkan hasil apabila FSG dinobatkan sebagai penerima **Tempat Pertama Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024), kategori Kolej Pengajian/Fakulti** pada 14 Mac 2025 (**Rajah 2.2(3a)**). Kejayaan ini merupakan hasil **kecemerlangan kolektif** yang dipacu oleh peranan strategik HEP melalui penglibatan aktif pelajar, di mana setiap projek SAP memberi impak bersepadu kepada pelajar dan FSG (**Rajah 2.2(3b), Jadual 2.2(3c)**).

SAP HEP FSG dirangka secara holistik bagi memastikan setiap inisiatif strategik diselaraskan dengan objektif bertemakan **Future Science Generation**. Ia dilaksanakan melalui lima projek utama yang dirancang untuk **mencapai kesemua PI HEP** dengan memberi penekanan kepada keterlibatan pelajar dan kepimpinan persatuan. **Lima projek unggul yang membentuk tunjang SAP** adalah **Futuris Science Symposium (FUSS), FSG Nexus Fusion, FSG Innovarium, Applied Science Arena, dan Sci-Fi Cultural Showcase (Rajah 2.2(3d))**. Setiap projek ini terbukti memberi impak luar biasa yang selari dengan aspirasi model #fsgpadu dalam melonjakkan kecemerlangan FSG secara holistik (**Jadual 2.2(4)**).

Kejayaan ini dipacu oleh **transformasi struktur organisasi pelajar menerusi inovasi penubuhan tujuh persatuan (Rajah 2.2(5a))**. Ini mewujudkan sinergi merentas disiplin, sekali gus **memperkuh pelaksanaan aktiviti berteraskan (ESI) iDART (Rajah 2.2(5b))**. Usaha memperkasakan pelajar dalam kepimpinan digital dan kemahiran abad ke-21 dilihat melalui keterlibatan pelajar dalam **pembangunan enam kursus Massive Open Online Courses (MOOC)**. Selari dengan aspirasi UiTM, PS FSG memupuk pelajar untuk lebih berdaya saing serta bertaraf global, seiring dengan matlamat **Turning Globally Respected Super Bumiputera Student (Pillar 2)** dan tema **'Globally Respected 2024, Locally Rooted'** (**Rajah 2.2(5d)**).

Ketampakan pelajar bukan sahaja secara akademik, malah **berdaya saing di peringkat antarabangsa menerusi program mobiliti** ke Universiti di Indonesia dan Thailand. Keupayaan dalam **inovasi terserlah melalui projek SULAM berasaskan 'Roselle' yang berjaya menghasilkan produk komersial berpotensi**. Pelajar FSG turut meraih **Gold Award di NSIEX 2024 dan Johor International Innovation Invention Competition and Symposium (Rajah 2.2(5e))**. Keseluruhannya, FSG berjaya melahirkan graduan yang dinamik, inovatif serta seimbang, sekaligus mampu mendepani cabaran global dengan keyakinan dan jati diri yang teguh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_P01_PB02_20251_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB02_20252_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB02_20253_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB02_20254_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB02_20255_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(5\).pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif PS FSG dirancang sejajar dengan matlamat dan agenda kebangsaan seperti yang digariskan dalam **PPPM(PT) (2015-2025)**. PS FSG juga diselaraskan dengan fokus utama **Hala Tuju KPT 2024** dan **Pelan Strategik UiTM2025 (Rajah 2.3(1a))** bagi mencapai aspirasi menjadi **universiti terkemuka di dunia**.

Inisiatif berimpak FSG khususnya dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar dipetakan kepada **tiga teras strategik UiTM2025** dan seiring dengan **PPPM(PT)** melalui lonjakan (1) Graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang, (2) Kecemerlangan bakat, (3) Menghayati pembelajaran sepanjang hayat, (7) Ekosistem inovasi, (8) Keunggulan global dan (9) Pembelajaran dalam talian tahap global. **Objektif Kualiti FSG 2019 – 2025** turut diintegrasikan bersama model #fsgpadu (**Rajah 2.3(1b), Jadual 2.3(1)**).

Implementasi inisiatif ini melibatkan tiga lapisan profil iaitu **staf akademik, staf pentadbiran, dan pelajar (Jadual 2.3(2))**. Objektif dan inisiatif PS FSG ini disebar luaskan kepada warga FSG, warga UiTM, dan warga luar UiTM melalui beberapa platform.

Perluasan **peringkat FSG**:

i) **Taklimat Dekan, Pengurusan Kanan bersama warga FSG**: Taklimat ini memperkenalkan hala tuju PS FSG bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan pihak TRU (**Rajah 2.3(3a)**).

ii) **E-mel rasmi dan media sosial rasmi**: Maklumat, rakaman, slaid taklimat, ucapan penghargaan serta poster kejayaan disebar luas secara berkala oleh Unit Korporat FSG dan HEP (**Rajah 2.3(3b), (3c)**).

iii) **Media sosial persatuan pelajar**: Hebahan kepada pelajar FSG mengenai semua program persatuan yang dijalankan (**Rajah 2.3(3d)**).

iv) **Pembentangan PS oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) di MPE dan MKSP**: Input nilai tambah pelaksanaan, dan perubahan diperoleh melalui audit dalam di bawah Unit Kualiti dan Pengurusan Kanan. Penambahbaikan PS kemudiannya dilaksanakan melalui fasa bengkel strategik (**Rajah 2.3(3e)**).

Perluasan **Peringkat UiTM**:

i) **Perkongsian PS FSG 2024 melalui program bicarawara strategi**: Program ini dianjurkan oleh TRU dengan kerjasama Pejabat Komunikasi Strategik dan disiarkan melalui channel YouTube UiTM. Dekan FSG dijemput untuk berkongsi amalan terbaik 2024 yang menyumbang kepada pencapaian cemerlang fakulti (**Rajah 2.3(4a)**).

Perluasan **peringkat antarabangsa**:

i) **Lawatan penanda aras dari universiti antarabangsa**: Kunjungan delegasi dari Shaoxing University (China), Oregon State University (USA) dan beberapa universiti dari Indonesia seperti Universitas Hasanuddin telah membuka peluang kerjasama strategik antara institusi (**Rajah 2.3(5a)**).

ii) **Program khidmat Masyarakat Rosell Valley 3.0 ke Universitas Warmadewa (UNWAR), Indonesia**: Projek ini memfokuskan pemerikasaan komuniti Ban Karangasem melalui pelancongan Edu-Eko-Agro Inovatif bersepadu berasaskan tumbuhan Roselle (**Rajah 2.3(5b)**).

iii) **Program mobiliti outbound**: Pelajar FSG berkolaborasi dengan Universitas Muhammadiyah Surakarta, Universitas Hasanuddin, Universitas Jambi dan Universitas Islam Negeri Sunan di Indonesia serta Burapha University di Thailand untuk menjalankan projek tahun akhir (**Rajah 2.3(5c)**).

iv) **Persatuan Applied Science Youth Care Crew (ASYCC)**, FSG telah menganjurkan **webinar**

antarabangsa dengan kerjasama persatuan Himpunan Mahasiswa Jurusan Psikologi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau (UIN SUSKA), Indonesia (**Rajah 2.3(5d)**).

v) **Lawan sesawang i-HEP FSG**: Dibangunkan pada tahun 2024 bagi memaparkan informasi berkaitan hal ehwal, persatuan dan aktiviti pelajar (**Rajah 2.3(5e)**).

Keseluruhan, pelaksanaan PS FSG dilaksanakan secara teratur dengan penekanan kepada **komunikasi berkesan**, yang berjaya menterjemahkan matlamat universiti ke dalam program fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi universiti dan negara. Hasilnya, FSG kekal sebagai fakulti tunggal mengekalkan **Skor i-UITM 90% selama lima tahun berturut-turut**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB03_20251_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB03_20252_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB03_20253_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB03_20254_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB03_20255_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PS FSG yang berpaksikan aspirasi nasional (**PPPM(PT)**) selaras dengan model **#fsgpadu** dan enam **Teras Graduan Holistik** merupakan cetusan visi kolektif bagi melahirkan pelajar seimbang, berdaya saing dan bersahsiah unggul. Berlandaskan pendekatan **PDCA (Plan–Do–Check–Act)**, pelaksanaan dirancang secara sistematik, pemantauan dilaksanakan dengan menyeluruh, dan tindakan penambahbaikan digerakkan secara proaktif berpandukan data dan suara warga fakulti.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif strategik ditunjangi oleh tiga mekanisme pemantauan sistematik: struktur **tadbir urus** FSG, sistem **digital (SmarterHEP, UePMO, dashboard Power BI, UiSMS)**, dan **pemantauan berfokus** oleh Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) FSG (**Rajah 2.4.1(1a)**). Pelaksanaan mekanisme ini melibatkan interaksi secara bersemuka dan dalam talian seperti mesyuarat dan audit. Pendekatan ini membolehkan **komunikasi dua hala** yang efektif, di mana maklumat disampaikan oleh Pengurusan Kanan, manakala maklum balas daripada kumpulan sasar diguna pakai untuk penambahbaikan berterusan pelan strategik (**Jadual 2.4.1(1)**).

Pengurusan Kanan FSG memantau kemajuan inisiatif strategik berpandukan Terma Rujukan Tadbir Urus Pengoperasian dan Pengurusan FSG (**Rajah 2.4.1(2a)**). Unit HEP pula memberi tumpuan kepada inisiatif berkaitan pembangunan pelajar melalui mesyuarat berkala yang membincangkan prestasi semasa, cabaran pelaksanaan dan langkah-langkah penambahbaikan (**Rajah 2.4.1(2b-2c)**).

Pelaporan pencapaian PI dan SAP dipantau oleh PSTU dan Pengurusan Kanan FSG berpandukan **inovasi carta alir** bagi proses pelaporan dalaman (**Rajah 2.4.1(3a)**). Pemantauan PI dilaksanakan secara dalam talian melalui sistem SmarterHEP dan UePMO (**Rajah 2.4.1(3b)**). Dekan dan PSTU seterusnya meneliti dan membuat verifikasi data melalui sistem UePMO dan seterusnya melihat pencapaian di *dashboard Power BI* (**Rajah 2.4.1(3c)**). Inovasi *spreadsheet “PI Monthly Update”* diguna pakai bagi pemantauan PI dan di sebar luas kepada Pengurusan Kanan melalui medium *WhatsApp* dan E-mel (**Rajah 2.4.1(4a)**). Pemantauan SAP pula menggunakan sistem UiSMS di mana PSTU diberikan akses selektif bagi memantau kemajuan pelaksanaan setiap inisiatif SAP yang telah didaftarkan di UiSMS (**Rajah 2.4.1(4b-4c)**).

Analisis pencapaian dan cadangan penambahbaikan dibentangkan kepada Pengurusan Kanan FSG melalui MPE dan MKSP oleh PSTU (**Rajah 2.4.1(5a)**). Dapatan ini dilaporkan melalui E-mel secara bulanan dan sukuan dan dikongsikan kepada warga FSG melalui Taklimat Dekan dan Pengurusan Kanan sebanyak dua kali setahun (**Rajah 2.3(3a)**, **Rajah 2.4.1(5b–5c)**). Semua input kemudiannya diambil kira bagi pemurnian pelan tindakan yang dibincangkan di bengkel pemurnian SAP (**Rajah 2.4.1(5d)**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_P01_PB04_PC01_20251_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB04_PC01_20252_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB04_PC01_20253_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB04_PC01_20254_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(4\).pdf](#)

5. [K0019_P01_PB04_PC01_20255_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(5\).pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko FSG dilaksanakan secara sistematik berpandukan **ISO 9001:2015** serta **Panduan Pengurusan Risiko FSG (PK.UiTM.FSG.01)**. Dokumen ini menjadi rujukan utama dalam merangka pelan tindakan pengurusan risiko dan memastikan setiap aktiviti yang berkaitan dilaksanakan secara tersusun, telus dan menyeluruh (**Rajah 2.4.2(1a)**).

Risiko yang dikenal pasti dibincangkan secara menyeluruh dalam Bengkel Pengurusan Risiko dan Bengkel Perancangan Strategik FSG (**Rajah 2.4.2(1b)**). Bengkel ini berfungsi sebagai platform perbincangan bagi semua pihak berkepentingan dalam merangka **langkah kawalan** serta **penambahbaikan** bersesuaian sebelum risiko tersebut didaftarkan secara rasmi (**Jadual 2.4.2 (1)**).

Di FSG, Penyelaras Pengurusan Risiko bertanggungjawab mendaftarkan risiko berkaitan bidang tumpuan melalui sistem e-RMS (Risk Management System) (**Rajah 2.4.2(2a)**). Risiko dipantau melalui mesyuarat pengurusan risiko secara sukuan bagi menyemak status semasa, mengenal pasti risiko baharu serta menilai keberkesanan tindakan mitigasi (**Rajah 2.4.2(2b-2c)**).

Selain e-RMS, sistem UiSMS turut digunakan khusus bagi pemantauan risiko di peringkat projek (SAP) oleh PSTU. Setiap permohonan aktiviti HEP perlu melengkapkan borang penilaian risiko yang disertakan bersama kertas kerja permohonan projek. Tatacara pengisian borang penilaian risiko aktiviti ini juga telah dikongsi bersama persatuan dalaman pelajar (**Rajah 2.4.2(3a)**). Elemen pengurusan risiko yang direkodkan dalam UiSMS adalah termasuk pelan mitigasi, magnitud impak, tahap kebarangkalian, serta klasifikasi tahap risiko (**Jadual 2.4.2(3)**; **Rajah 2.4.2(3b)**). Risiko ini dikaji semula secara sukuan dalam mesyuarat PS yang melibatkan pengarah projek, pengurus serta pasukan pelaksana (**Jadual 2.4.2(4a)**).

Risiko utama yang dikenal pasti mengganggu pencapaian objektif strategik ialah risiko kewangan sebanyak **80%** dan risiko strategik (**20%**) (**Rajah 2.4.2(4a)**). Antara risiko utama yang didaftarkan di sistem eRMS adalah; **1) pengurangan peruntukan yang diterima oleh HEP FSG** dan **2) kekurangan jumlah pelajar yang menyertai persatuan dalaman fakulti**. Kedua-dua risiko ini mempengaruhi pencapaian PI yang telah ditetapkan serta mempengaruhi impak program yang dijalankan (**Jadual 2.4.2(4b)**). Perkara ini diatasi dengan memastikan **tiada duplikasi** antara program yang akan dilaksanakan dan meluluskan hanya program yang **berimpak tinggi** dan **mencapai PI** sahaja. Manakala, kekurangan penyertaan diatasi dengan mengadakan program bagi **memperkenalkan** persatuan dalaman kepada para pelajar, terutamanya pelajar baru (**Rajah 2.4.2(5a-5b)**).

Secara keseluruhan, pelaksanaan pengurusan risiko FSG dilaksanakan secara **menyeluruh** dan **proaktif**, sekali gus menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan PS FSG yang **mampan** dan **berimpak tinggi**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB04_PC02_20251_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB04_PC02_20252_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB04_PC02_20253_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB04_PC02_20254_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB04_PC02_20255_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2 \(5\).pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pencapaian setiap inisiatif yang menyumbang kepada peratusan **Skor i-UiTM FSG** dianalisis secara dalam talian melalui sistem **UePMO** pada setiap sukuan, mengikut garis masa pelan tindakan pemantauan strategik **UiTM SAP 2024 (Rajah 2.4.3(1a))**.

Analisis kemajuan ini penting bagi memastikan output yang dicapai kekal sejajar dengan halatuju FSG dan aspirasi universiti. Di samping itu, analisis risiko turut dilaksanakan secara serentak untuk mengenal pasti potensi risiko lebih awal, agar tindakan mitigasi dan penambahbaikan boleh dilaksanakan segera. Pendekatan ini amat penting dalam mengurangkan impak risiko terhadap pencapaian PI yang telah ditetapkan oleh TRU.

Hasil analisa pemantauan ini kemudiannya **dibentangkan** oleh **PSTU** dan **Penyelaras Risiko** kepada pihak **Pengurusan Kanan FSG** dalam mesyuarat **MPE** dan **MKSP (Rajah 2.4.3(1b))**. Dapatan strategik ini kemudiannya **disebarkan** kepada seluruh **warga FSG** melalui pelbagai medium komunikasi seperti mesyuarat, sesi taklimat, e-mel, serta hebahan maya (**Rajah 2.4.3(1c)**).

Selain itu, **maklum balas** dan input warga dikumpul secara meluas dan efisien melalui aplikasi seperti **Facebook**, **WhatsApp** dan **Google Form** yang lebih mudah diakses serta mesra pengguna, selaras dengan **keperluan semasa**.

Hasil dapatan audit dalaman, **inovasi tadbir urus** telah dilaksanakan melalui penubuhan **Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Pelajar (JPPP)** pada 20 Mei 2024 (**Rajah 2.4.3(2a)**). JPPP berperanan **mempercepatkan** proses **kelulusan** program pelajar, akademik dan bukan akademik, khususnya yang menggunakan dana **Kumpulan Wang Pengurusan (KWP)**. Jawatankuasa ini turut melibatkan wakil **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)** dalam keanggotaannya, menjadikan proses kelulusan lebih **telus**. Wakil **pelajar** diberi ruang **membentangkan permohonan** dalam mesyuarat JPPP secara bulanan, sekaligus memberi mereka peluang **menyuarakan pendapat** dan menyumbang secara langsung kepada proses keputusan (**Rajah 2.4.3(2b-2c)**), sejajar dengan **Agenda Pemerkasaan Mahasiswa KPT (Rajah 2.4.3(3a-3b))**. Dapatan dari analisa pemantauan dan pengurusan risiko PS bidang tumpuan juga telah membawa pelancaran **laman sesawang i-HEP FSG** dan **Dashboard i-HEP FSG** sebagai **inovasi** penambahbaikan capaian data pengurusan dan pembangunan pelajar (**Rajah 2.4.3(4a-4c)**).

Keseluruhannya, input menyeluruh warga FSG melalui proses kajian semula telah memperkukuh tindakan kawalan dan menyumbang secara signifikan kepada kejayaan pelaksanaan inisiatif strategik hingga FSG dinobatkan **Fakulti Nombor Satu UiTM** dengan **Skor i-UiTM cemerlang 98.6%** pada 2024 (**Rajah 2.4.3(5a-5b)**). Ini merupakan bukti kukuh terhadap komitmen berterusan fakulti dalam menjayakan tadbir urus strategik dan budaya kecemerlangan menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB04_PC03_20251_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB04_PC03_20252_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB04_PC03_20253_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB04_PC03_20254_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB04_PC03_20255_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(5\).pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan PS FSG selari dengan aspirasi UiTM2025, Halatuju KPT dan RMK-12, dipacu oleh kepimpinan Pengurusan Kanan serta penglibatan aktif seluruh warga FSG. Tumpuan utama diberikan kepada pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, pemerkasaan inovasi dan penyelidikan, pengantarabangsaan pendidikan serta transformasi digital. Usaha ini dilaksanakan melalui **amalan berfokus seperti bengkel, pelaporan, pemantauan PI dan mesyuarat berkala**. Kejayaan mengekalkan **Skor i-UiTM melebihi 90% selama lima tahun berturut-turut** menjadi bukti kukuh **keberkesanan budaya pengurusan strategik** yang diterapkan (**Rajah 2.5(1a)**). Amalan ini turut diperluas melalui **program Bicara Strategi anjuran TRU oleh Dekan FSG serta penulisan AKNC** yang dijadikan rujukan fakulti lain (**Rajah 2.5(1b)**).

Penganjuran **lawatan penanda aras oleh universiti tempatan dan antarabangsa** bagi berkongsi amalan terbaik serta membina jaringan strategik antara institusi. Lawatan ini merangkumi institusi dari negara **Asia (China dan Indonesia) serta Amerika Syarikat (Rajah 2.5(1c))**. Hasil libat urus ini, kolaborasi dalam bidang penyelidikan, mobiliti pelajar, dan pemindahan ilmu telah berjaya direalisasikan dan pemeteraian perjanjian Mou/MoA diadakan (**Rajah 2.5(2a)**). Keberkesanan PS terbukti apabila hampir keseluruhan PI berjaya dicapai menerusi pelaksanaan **mekanisme berfokus seperti bengkel pemantauan, analisis SAP dan penyediaan laporan audit (Rajah 2.5(2b))**. Selain itu, pelajar diberi tanggungjawab sebagai ketua program dan membentangkan laporan serta refleksi pelaksanaan mereka secara langsung dalam mesyuarat JPPP (**Rajah 2.5(2c)**). Proses ini membolehkan pihak pengurusan mendapatkan input pelajar secara langsung sebagai sebahagian daripada penambahbaikan dasar (**Rajah 2.5(2d)**).

Penambahbaikan PS turut direalisasikan menerusi **penstrukturan semula 16 persatuan kepada 7 persatuan utama yang dipetakan terus kepada enam Teras Graduan Holistik**. Transformasi ini mendorong **peralihan kepimpinan pelajar** daripada model konvensional kepada pendekatan yang lebih strategik, kolaboratif dan merentas disiplin. Jawatankuasa kini **melibatkan pelajar pelbagai program**, sekali gus memperkayakan pelaksanaan program dengan idea yang lebih menyeluruh (**Rajah 2.5(3a)**).

Penglibatan aktif pelajar dalam **projek SULAM, 'ROSELLEVALLEY 3.0: Empowering SKBK2 and the Community'** memberi impak pendedahan pelajar kepada aktiviti **pembelajaran berasaskan komuniti**, malah turut berjaya **menghasilkan produk jualan** yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran keusahawanan dan pemindahan ilmu secara langsung (**Rajah 2.2(3b)**). Melalui program ini, pelajar bersama komuniti telah berjaya memenangi **Anugerah Inovasi Selangor (AINS)** serta mendapat tempat ke-3 **Program SULAM terbaik di peringkat UiTM (Rajah 2.2(3c))**. Selari dengan aspirasi digitalisasi, pelancaran **portal rasmi i-HEP FSG** pada 2024 membolehkan capaian terbuka kepada maklumat struktur organisasi, carta pelaporan dan aktiviti (**Rajah 2.5(4a)**). Kejayaan pelajar juga dikongsi melalui penggunaan platform media sosial seperti Facebook dan Instagram bagi meningkatkan keterlihatan fungsi HEP (**Rajah 2.5(4b)**).

Selain itu, FSG berjaya **mencapai sasaran penyelidikan melalui 370 penerbitan** yang turut melibatkan pelajar selaku penulis. Ini menunjukkan FSG membudayakan penyelidikan serta memperkasa peranan pelajar dalam ekosistem akademik dan inovasi (**Rajah 2.5(5a)**). FSG terus mencipta kecemerlangan apabila kursus **Kimia, Fizik dan Astronomi** disenaraikan dalam **QS Subject Ranking 2024 (Rajah 2.5(5b))**. Integrasi PS HEP yang bersifat holistik ini telah membentuk budaya strategik menyeluruh dalam kalangan warga dan pelajar FSG menjadikan model rujukan dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan berpemikiran global seiring dengan aspirasi **Turning Globally Respected Super Bumiputera Student (Pillar 2)** dan tema **'Globally Respected 2024, Locally Rooted'**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB05_20251_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.5\(1\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB05_20252_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.5\(2\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB05_20253_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.5\(3\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB05_20254_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.5\(4\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB05_20255_FSG_Lampiran Perancangan Strategik 2.5\(5\).pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAJAR HOLISTIK DAN BERDAYA SAING, PEMACU KEPERCAYAAN PELANGGAN

Fakulti Sains Gunaan (FSG) sangat cemerlang dalam pengurusan dan perkhidmatan pelanggan melalui pelaksanaan pendekatan **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** yang sistematik dan strategik. Fokus utama diberikan kepada dua kelompok pelanggan iaitu pelanggan dalaman (pelajar, staf akademik, dan pentadbiran) dan pelanggan luaran (industri, agensi kerajaan dan rakan akademik antarabangsa). Strategi holistik ini dilaksanakan melalui bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) berlandaskan enam tonggak utama agenda **FSG Globally Respected 2020-2025**. Dalam fasa **perancangan (Plan)**, FSG membangunkan pelbagai inovasi perkhidmatan digital seperti laman web i-HEP yang interaktif, sistem UPTracks untuk capaian maklumat pelajar dan platform e-Aduan untuk proses maklumbalas yang lancar. **DASHBOARD i-HEP FSG** berfungsi sebagai sistem pengurusan berpusat yang cekap untuk pengumpulan data sistematik meliputi aktiviti pelajar, pengurusan kewangan, petunjuk prestasi utama (KPI), dan pendaftaran risiko selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik UiTM2025.

Fasa **pelaksanaan (Do)** dimanifestasikan melalui platform digital seperti SETELUS, *Student Lounge*, dan *Picktime* untuk perkhidmatan makmal dalam talian. Kolaborasi strategik diperkukuh dengan 16 MoU/MoA pada 2024, membuka peluang kepada pelajar dalam menyertai program diperingkat antarabangsa seperti SULAM Antarabangsa, Program Mobiliti Global, dan *Knowledge Transfer Program (KTP)*. Program-program yang dianjurkan oleh 7 entiti persatuan pelajar berjaya **memperkasakan** kemahiran sosial, nilai kepimpinan dan jati diri pelajar.

Fasa **pemantauan (Check)** dijalankan secara berterusan melalui sistem MyATP untuk menilai prestasi pensyarah dan platform CDL/CQI untuk menganalisis maklum balas pelajar. Mesyuarat Pengurusan Risiko yang diadakan tiga kali setahun membincangkan isu kritikal dalam empat kategori: strategik, operasi, reputasi, dan kewangan. Pemantauan turut disokong oleh Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti dan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif bagi memastikan kelancaran operasi. Sistem e-RMS dan borang penilaian risiko digunakan untuk pendaftaran dan pengurusan risiko yang sistematik.

Berdasarkan dapatan pemantauan, **tindakan penambahbaikan (Act)** dilaksanakan secara proaktif. Ini termasuk kelulusan pembelian peralatan makmal canggih seperti NMR Benchtop, pengenalan program sokongan kesihatan mental pelajar melalui kerjasama antarabangsa, dan inisiatif seperti RIA FSG untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan penerbitan berkualiti tinggi. **Program VUESS** memberikan sokongan psikososial, manakala penstrukturan semula program HEP dilaksanakan untuk pengoptimuman sumber. Inisiatif spesifik seperti program **SULAM** dengan Universitas Warmadewa dan webinar kesihatan mental antarabangsa juga dilaksanakan. **Integrasi** dan pembudayaan tumpuan pelanggan berjaya dicapai melalui inovasi seperti *Student Lounge* yang berfungsi sebagai pusat perkhidmatan berpusat, menyediakan sistem tempahan bahan kimia dan akses maklumat makmal. Kajian saintifik pelajar prasiswazah disokong melalui prosiding *Junior Science Communication*, manakala rangkaian antarabangsa diperkukuh dengan 16 kerjasama MoU/MoA. Program FSG *Summer Program 2024* dengan *Bunkyo Gakuin University*, Jepun, berjaya mempromosikan budaya Malaysia di peringkat global. Keberkesanan pendekatan FSG dibuktikan melalui peningkatan ketara dalam kualiti perkhidmatan, peningkatan pengiktirafan antarabangsa, dan pembentukan jaringan strategik yang mapan. Pembudayaan penyelidikan yang progresif sentiasa disokong oleh PJIA melalui **RIA FSG**. Selain itu, maklumbalas sentiasa dinilai dan ditambahbaik secara berterusan melalui sistem *e-Complaint* yang cekap menunjukkan komitmen berterusan FSG bukan sahaja memenuhi malah melampaui jangkaan semua pihak berkepentingan.

Ujian kompetensi memperkayakan keaduan ICS sebagai tenaga peneraju unggul dalam bidang sains dan teknologi yang diiktiraf global, sekaligus melahirkan graduan yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSG sentiasa mengangkat martabat kecemerlangan dengan menjadikan **penglibatan** pelanggan sebagai teras utama dalam melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran global. Pelanggan utama FSG dikenal pasti melalui pendekatan **model PDCA (Plan-Do-Check-Act)**, perancangan yang **inklusif** dilaksanakan secara sistematik dan strategik dengan mengenalpasti dua kumpulan utama iaitu pelanggan dalaman dan luaran yang menjadi pemangkin kepada pembangunan pelajar yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah (Rajah 3.2(1a)). Secara dasarnya pelanggan dalaman dan luaran FSG merupakan pemegang taruh yang menerima perkhidmatan secara langsung dan berperanan dalam menyokong pengurusan dan pembangunan pelajar di FSG (Rajah 3.2(1b)&(1c)).

PERKHIDMATAN 1: Tumpuan Pembangunan Akademik Pelajar ('ACADEMIC')

Pengurusan Kanan FSG sentiasa proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelajar bagi memastikan kecemerlangan akademik menjadi tonggak utama melalui pelbagai pendekatan seperti mengadakan **Bengkel Skor Matematik (BESMAT) 2024** (Rajah 3.2(2a)), **Hari Penasihat Akademik (PA) Bertemu Pelajar** (Rajah 3.2(2b)) dan kursus **pengajaran kolaboratif (CT)** melalui **penglibatan** universiti dan industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Rajah 3.2(2c)) selaras dengan keperluan *Knowledge Transfer Program (KTP)*. FSG menyediakan dana bagi **yuran konferensi dan penerbitan** (Rajah 3.2(2d)) serta mewujudkan **platform penerbitan penyelidikan** di *Junior Science Communication (JSC)* bagi projek tahun akhir (Rajah 3.2(2e)). FSG juga komited memperkasakan kepimpinan dan pembangunan pelajar melalui pelbagai kolaborasi kepakaran seperti MOA dan MOU, sesi perkongsian ilmu, seminar kemahiran dan kerjaya, projek penyelidikan dan khidmat komuniti SULAM (Rajah 3.2(3a)). FSG turut menyokong program keusahawanan pelajar sejajar dalam melahirkan **graduan holistik berciri keusahawanan** melalui penglibatan dalam pemasaran produk inovasi dan penyelidikan FSG sehingga ada yang berjaya mencapai hasil jualan sebanyak **RM 421,833.10** (Rajah 3.2(3b)&(3c)).

PERKHIDMATAN 2: Tumpuan Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar ('CARE')

FSG tampil menerajui **inovasi digital** dengan memperkenalkan pelbagai sistem yang mesra pelanggan, responsif dan efisien seperti **laman sesawang rasmi FSG** (Rajah 3.2(4a)), Pusat Pengajian **siswazah** (Rajah 3.2(4b)) dan **i-HEP FSG** (Rajah 3.2(4c)) bagi capaian maklumat yang menyeluruh serta menyediakan **platform e-Aduan** bagi memastikan maklumbalas dilaksanakan secara sistematik dan **berintegriti** (Rajah 3.2(4d)). Akauntabiliti bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) FSG berada pada tahap terbaik apabila memastikan kebajikan pelajar sentiasa terpelihara dengan mengambil inisiatif mewujudkan **Tabung Prihatin FSG Care** (Rajah 3.2(4e)). Dana sumbangan warga FSG ini digunakan bagi menyalurkan bantuan kecemasan pelajar, **Welfare Bank** dan **Pusat Pit Stop by HEP FSG** (Rajah 3.2 (4f)).

PERKHIDMATAN 3: Tumpuan Kecekapan Pengurusan Sumber ('EFFICIENCY')

FSG telah merangka pelan tindakan strategik yang **inklusif** berdasarkan Petunjuk prestasi (PI) berfokuskan kepada dua fungsi utama iaitu pengurusan dan pembangunan pelajar (Rajah 3.2(5a)) sejajar dengan pelan strategik **Agenda Pemerkasaan Mahasiswa; FSG Globally Respected**. Oleh itu HEP FSG menubuhkan **7 entiti persatuan mahasiswa** yang bertanggungjawab melaksanakan program-program berdasarkan **6 tonggak utama SAP FSG** (Rajah 3.2(5b)). FSG sentiasa cakna dalam memastikan kemudahan pelajar dilengkapi dan meluluskan peruntukan kewangan bagi peningkatan prasana yang lengkap seperti **menaiktaraf** Blok A dan C serta **menggantikan LCD projector kepada Smart TV** seiring dengan perubahan teknologi terkini. Sebagai pusat ilmu sains dan teknologi yang utama di UiTM,

makmal-makmal pengajaran dan pembelajaran seperti makmal **Teknologi Makanan, Teknologi Polimer dan Clean Room** telah dinaiktaraf bagi memastikan kemahiran teknikal dan saintifik dikuasai sepenuhnya oleh pelajar (Rajah (3.2(5c))).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_T01_TB02_20251_AKNC2025_Kriteria3.2_Senarai Bukti 1.pdf](#)
2. [K0019_T01_TB02_20252_AKNC2025_Kriteria3.2_Senarai Bukti 2.pdf](#)
3. [K0019_T01_TB02_20253_AKNC2025_Kriteria3.2_Senarai Bukti 3.pdf](#)
4. [K0019_T01_TB02_20254_AKNC2025_Kriteria3.2_Senarai Bukti 4.pdf](#)
5. [K0019_T01_TB02_20255_AKNC2025_Kriteria3.2_Senarai Bukti 5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data pelanggan FSG direkodkan secara sistematik supaya setiap maklumat berkaitan bidang tumpuan dapat diselaraskan untuk rujukan pelanggan. Bagi memenuhi objektif pemetaan strategik berfokus bidang tumpuan dan keperluan pelanggan, perluasan melalui teknologi giat dilakukan. FSG telah membangunkan **inovasi dalam seperti Dashboard i-HEP FSG, SETELUS, Picktime dan IN-TRACE**. Sistem ini menyokong pengurusan data aktiviti pelajar, kemudahan makmal, pinjaman peralatan, perancangan strategik dan capaian direktori berpusat (Rajah 3.3(1a)&(1b)).

Tumpuan kepada kecemerlangan pelajar diperluaskan melalui penggunaan sistem UiTM seperti SIMS, UFUTURE, iStudent Portal, MyATP, eRes, UPTRACKS dan PRIME bagi pengurusan akademik, pemantauan pengajaran serta rekod pencapaian. Ia membolehkan data pelanggan dikenal pasti, diurus cekap dan dimanfaatkan untuk perancangan serta penambahbaikan berterusan (Rajah 3.3(2a)). FSG mengutamakan **penglibatan pelajar secara strategik dan inklusif** dengan menganjurkan **Hari Bertemu Penasihat Akademik** dimana ia memberi saluran atau ruang formal kepada pelajar untuk berbincang isu seperti pelan pengajian, pendaftaran kursus dan kemajuan akademik secara sistematik (Rajah 3.3(2b)).

FSG telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Pelajar (JPPP) dibawah unit HEP yang memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksana program pembangunan pelajar (Rajah 3.3(2c)). **Maklumat kepada pelanggan disalurkan melalui platform digital seperti Telegram dan Instagram** (Rajah 3.3(2d)). Langkah proaktif ini menyokong kebajikan dan pembangunan nilai kepimpinan pelajar.

Dedikasi kepada pelanggan diteruskan dengan pelaksanaan program pelajar berimpak tinggi berasaskan nilai integriti, komunikasi, keterangkuman dan akauntabiliti. **Program Voice Out Loud** melatih 137 pelajar dan pensyarah bersama peserta antarabangsa dalam pengucapan awam. Selain itu, **MY FSG 2.0** memupuk empati dan memerksa pelajar melalui kerjasama bersama ITS Indonesia dan MASAF Perancis. **Summer Programme** bersama **Bunkyo Gakuin University, Jepun**, memperkukuh komunikasi silang budaya. **Kesejahteraan mental** turut diberi perhatian menerusi **webinar antarabangsa** bersama **UIN Sultan Syarif Kasim, Indonesia** yang diketuai oleh ASYCC, memfokuskan isu risiko psikososial pelajar (Rajah 3.3(3a)).

FSG juga memberikan **tumpuan kepada penglibatan pelajar dalam program seperti SULAM antarabangsa, Mobiliti Global dan Knowledge Transfer Program (KTP)**, yang menghubungkan pelajar, komuniti dan pakar industri dari dalam dan luar negara (Rajah 3.3(4b-4c)). Tema **FSG Goes Global** menyokong pendedahan silang budaya serta **membina jaringan strategik antarabangsa**. Kejayaan pelajar FSG dalam platform seperti **Rakyat Accelerator 2024, IKM Graduate Chemistry Medal dan Biz.Spotlight 2.0** turut membuktikan keberkesanan pendekatan FSG dalam memberikan khidmat yang cemerlang dan berinovatif (Rajah 3.3(3b)).

Perluasan antarabangsa dijalankan melalui jalinan kolaborasi strategik bersama pelanggan luar seperti industri, agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti melalui MoU/MoA, yang berjaya **membuka ruang kepada pelajar menyertai program tanggungjawab sosial (CSR), sukarelawan dan perkongsian ilmu** (Rajah 3.3(4a)&(4b)). Pendekatan ini selari dengan aspirasi UiTM2025 dan membuktikan komitmen FSG dalam memastikan kecemerlangan bidang tumpuan. Hasilnya, seramai empat orang pelajar FSG telah mengikuti **latihan di luar negara** pada September 2024, iaitu dua pelajar di **Burapha University, Thailand** dan dua lagi di Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia (Rajah 3.3(5a)). Pengalaman ini memberikan pendedahan kepada persekitaran industri sebenar dan meningkatkan kebolehpasaran graduan. Maklumat berkaitan latihan industri pelajar dikumpul melalui sistem digital (*Google Sheet*) yang disediakan oleh RP FSG, Dimana maklum balas

menjamin bahawa rancangan tersebut (Kajian STC/STC/STC) telah direvisi bagi memastikan ia
kerangka pembangunan pelajar, agar selari dengan keperluan dan harapan industri semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB03_20251_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB03_20252_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB03_20253_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB03_20254_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(4\).pdf](#)
5. [K0019_T01_TB03_20255_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSG telah mengambil **langkah pemantauan berterusan untuk pemerkasaan pembangunan holistik dan pencapaian pelajar**. Beberapa mesyuarat tambahan turut diadakan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS) bagi **memantau kemajuan pengajian pelajar siswazah dan pasca siswazah secara berkala**. Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) berperanan untuk memastikan kelancaran pengurusan akademik dan kebajikan pelajar. Ini turut melibatkan pemantauan program SULAM penganjuran modul keusahawanan, *thesis bootcamp* dan dana penerbitan. Di samping itu, Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti (MTAF) serta Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) turut memainkan **peranan penting dalam memastikan kelancaran operasi dan penyediaan prasarana yang mencukupi**. Keberkesanan pemantauan dilihat melalui penghargaan yang diberikan kepada pelajar yang cemerlang, seperti **Anugerah Saintis Muda dan Malam Pra Graduan**(Rajah 3.4.1(1)).

Secara khususnya, unit HEA FSG memainkan peranan utama dalam **pemantauan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui platform seperti Penambahbaikan dan Pelaksanaan Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PROPENS) dan Student Feedback Online (SuFO)**. Purata skor PROPENS dan SUFO yang dicapai oleh pensyarah FSG adalah sebanyak 92% bagi semester 20244 yang membuktikan keberkesanan PdP dan pelajar memperoleh pengalaman akademik yang berkualiti. Penghargaan juga diberikan kepada pensyarah yang mencapai purata markah yang tinggi secara individu (98%) sebagai inisiatif peningkatan mutu dan kemajuan (Rajah 3.4.1(2)).

Unit HEP FSG turut **melaksanakan pemantauan dengan menguatkuasakan penggunaan Borang Penilaian Risiko untuk setiap program yang dianjurkan oleh pelajar**. Borang ini bertujuan memastikan mekanisme mitigasi risiko yang jelas dan terancang. Taklimat dalam talian mengenai penilaian risiko juga dianjurkan bagi **memperkuh literasi pengurusan risiko dalam kalangan pelajar, dengan kerjasama Persatuan Applied Science Youth Care Crew (ASYCC)** (Rajah 3.4.1(3)). Kebaikan usaha yang diambil adalah untuk memastikan pelajar bukan sahaja memahami, tetapi juga mampu menguruskan potensi risiko yang berlaku dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Mesyuarat Pengurusan Risiko FSG juga diadakan **tiga kali setahun (Februari, Julai, dan November) bersama ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko** (Rajah 3.4.1(4)). Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan dan pengurusan pelajar yang dikendalikan oleh unit-unit seperti HEA dan HEP, serta **menyelaras tindakan penambahbaikan yang dikenalpasti melalui sistem e-RMS** (Rajah 3.4.1(5)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_T01_TB04_TC01_20251_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB04_TC01_20252_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB04_TC01_20253_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB04_TC01_20254_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0019_T01_TB04_TC01_20255_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(5\).pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi meningkatkan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan, Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko FSG melaksanakan langkah intervensi berterusan berdasarkan sistem pemantauan yang dinyatakan dalam Bahagian 3.4.1. Berikut adalah 4 risiko utama yang berkaitan dengan pelajar yang telah didaftar, dianalisa dan ditambahbaik.

RISIKO 1: Isu kekangan peralatan makmal.

Isu kekangan dalam penggunaan peralatan *Nuclear Magnetic Resonance (NMR)* di makmal disebabkan usia peralatan dan kos penyelenggaraan yang tinggi telah dikenalpasti dan dianalisa. Untuk menangani masalah ini, FSG telah menjalin kerjasama dengan Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain di UiTM bagi perkongsian penggunaan peralatan, penghantaran sampel ke institusi luar untuk penyelidikan pelajar, serta memohon perolehan peralatan baharu seperti NMR *Benchtop*. Ini bagi memastikan kesinambungan latihan makmal yang berkualiti dan relevan dengan keperluan industri semasa (Rajah 3.4.2(1)).

RISIKO 2: Penurunan pelajar mobiliti inbound dan outbound

Pendaftaran risiko penurunan bilangan pelajar mobiliti inbound dan outbound akibat kekurangan dana daripada *Division of International Affairs (DIA)* dianalisa berpotensi mengehadkan peluang pelajar untuk memperoleh pendedahan kepada budaya dan sistem pembelajaran antarabangsa. Sebagai langkah pencegahan, FSG telah menubuhkan persatuan *Global Alliance and Mobility Association (GAAMA)*, menganjurkan summer camp, serta menyediakan peruntukan dana untuk pelajar berpotensi. Selain itu, mobiliti projek tahun akhir juga dilaksanakan melalui kerjasama dengan Universiti Hasanuddin, Indonesia (Rajah 3.4.2(2)).

RISIKO 3: peningkatan masalah kesihatan mental di kalangan pelajar.

Risiko ini dianalisa sebagai mampu memberi impak kepada motivasi dan prestasi akademik. Sebagai langkah pencegahan, FSG telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk penganjuran Program *Emotional Well-being FSG Siri 1/2024* mengenai penjagaan kesihatan mental dan aktiviti santai yang dikendalikan oleh Persatuan Dalaman FSG (Rajah 3.4.2(3)). Hasil maklum balas positif telah dikenalpasti melalui bimbingan emosi dan kaunseling, yang turut menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif (Rajah 3.4.2(4)).

RISIKO 4: Pengurangan peruntukan daripada Jabatan HEP

Risiko pengurangan peruntukan daripada Jabatan HEP dianalisa sebagai mampu menjejaskan pelaksanaan program pembangunan pelajar. Untuk menangani masalah ini, FSG menjalankan penilaian semula keutamaan program untuk memastikan hanya inisiatif yang memberikan nilai maksimum kepada pelajar diteruskan. Contohnya, jalinan kerjasama strategik FSG bersama agensi luar seperti student exchange program (*Kangwon National University, Korea*) dan institusi industri untuk memperluaskan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman tanpa membebankan sumber kewangan dalaman (Rajah 3.4.2(5)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB04_TC02_20251_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB04_TC02_20252_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB04_TC02_20253_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB04_TC02_20254_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_T01_TB04_TC02_20255_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(5\).pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko yang telah dikenal pasti di bahagian 3.4.2 dianalisa secara menyeluruh dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko FSG. Proses ini melibatkan **hasil maklum balas serta tindakan penambahbaikan bersasar** yang memberi manfaat kepada para pelajar FSG.

PENAMBAHBAIKAN 1

Hasil maklum balas dari permohonan peralatan makmal, Jabatan Belanjawan Universiti (JBU) telah **meluluskan pembelian *Benchtop* NMR melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal Peralatan FSG (November 2024)** bagi menyelesaikan masalah kekangan penggunaan peralatan NMR (Rajah 3.4.3(1)). Tindakan proaktif untuk menggantikan peralatan yang rosak ini adalah bagi **memastikan pelajar terus mendapat akses kepada latihan makmal yang relevan dan selari dengan keperluan industri** (Rajah 3.4.3(2)).

PENAMBAHBAIKAN 2

FSG telah membuat penambahbaikan bagi isu penurunan bilangan pelajar mobiliti *inbound* dan *outbound* oleh *Division of International Affairs (DIA)* dengan melaksanakan program **SULAM Antarabangsa**. Program ini merupakan inisiatif strategik menggabungkan program akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat secara serentak, dengan penglibatan pelajar dari FSG dan Fakultas Pertanian, Universitas Warmadewa. **Maklum balas daripada pelajar, pensyarah pengiring serta rakan kolaborasi menunjukkan tahap keberkesanan tinggi, khususnya impak pendedahan antarabangsa**. Pelaksanaan program ini menjadi asas kesinambungan kolaborasi rentas institusi lebih mampan serta memperkukuh kedudukan FSG dalam memacu aspirasi antarabangsa UiTM selaras Pelan Strategik Mobiliti Global Universiti (Rajah 3.4.3(3)).

PENAMBAHBAIKAN 3

FSG telah menganjurkan program kesedaran dan sokongan psikososial **di peringkat antarabangsa, hasil kolaboratif bersama Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia** (Rajah 3.4.3(4)). Program ini telah berjaya mendapatkan maklum balas yang positif di kalangan pelajar FSG, hasil analisis dari keberkesanan program, khususnya dari aspek pengurusan emosi. Selain itu, hebahan mengenai panduan **“Pengendalian dan Pengurusan Kesihatan Mental” melalui Sistem Maklumat Kerjaya dan Kaunseling dikongsi kepada warga FSG** bagi memudahkan proses rujukan pelajar yang memerlukan bantuan profesional.

PENAMBAHBAIKAN 4

FSG melaksanakan penambahbaikan melalui pemurnian takwim aktiviti serta penstrukturan semula program yang dirancang di bawah unit HEP. Tindakan bersasar adalah melibatkan pelaksanaan program menyeluruh yang menggabungkan beberapa KPI utama seperti **Program SULAM Antarabangsa *Roselle Valley* dan Projek Mega *Future Science Generation 2024*** (Rajah 3.4.3(5)). Penambahbaikan ini bagi memastikan penggunaan sumber secara optimum sambil meningkatkan impak pembangunan sahsiah dan profesionalisme pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB04_TC03_20251_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB04_TC03_20252_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB04_TC03_20253_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB04_TC03_20254_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0019_T01_TB04_TC03_20255_FSG_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(5\).pdf](#)



3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSG kekal cemerlang melalui pendekatan, perluasan dan pembelajaran yang dinamik dan holistik. Oleh itu **integrasi dicapai melalui amalan dan pembudayaan** yang dilaksanakan oleh FSG dimana pengurusan dan perkhidmatan kepada pelajar sentiasa ditambah baik sejajar dengan perkembangan teknologi IR 4.0. Dengan itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan pengurusan kepada pelanggannya menyokong usaha tersebut. Pejabat HEP mengambil inisiatif menambahbaik perkhidmatan dengan menyediakan saluran maklumat semasa berkaitan hal ehwal pelajar melalui laman sesawang rasmi **i-HEP Dashboard**.

FSG melakukan penambaaian terhadap kualiti perkhidmatan pelajar yang pertama seumpamanya melalui inisiatif inovasi digunakan bagi sistem capaian atas talian bagi memudahkan perjalanan projek tahun akhir pelajar. **Inovasi yang ditonjolkan** menjadikan FSG sebagai **penanda aras** oleh kampus lain melalui **Student Lounge** (Rajah 3.5(1a)) yang merupakan kemudahan e-platform pintar yang dibangunkan oleh FSG bagi menyediakan perkhidmatan seperti **Sistem Tempahan Bahan Kimia (SETELUS)**, **Safety Data Sheet bahan kimia**, **List of Chemicals for Final Year Project**, **Unit Makmal FSG**. Selain itu program **MOOC** (Rajah 3.5(1b)) juga merupakan inovasi bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran atas talian yang boleh diikuti oleh pelanggan FSG dari seluruh dunia.

Sebagai peneraju dalam bidang sains dan teknologi, FSG melalui Inovasi laman sesawang **RIA FSG** yang merupakan satu pusat sehenti telah diperkasakan melalui perkongsian penyelidikan seperti geran, penerbitan dan kepakaran staf/profil penyelidik (Rajah 3.5(1c)). Pejabat Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni (PJIA) sangat komited dalam menggalakkan penyertaan pelajar siswazah dan pasca siswazah untuk menyertai **konferensi, inovasi dan penerbitan penyelidikan** (Rajah 3.5(1d)) serta pelbagai program dan jalinan kerjasama tahunan serta **pertukaran pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa** (Rajah 3.5(2a)). FSG juga membuka ruang perkongsian bagi **perkhidmatan peralatan makmal dan penyelidikan** kepada pelanggan luar FSG (Rajah 3.5(2b)) serta membudayakan **penerbitan saintifik** dikalangan pelajar siswazah melalui penerbitan projek tahun akhir dalam **Junior Science Communication Prosiding** (Rajah 3.5 (2c)).

Disamping itu FSG juga mengamalkan **penganjuran konferensi akademik** (Rajah 3.5(3a)) bagi memberi nilai tambah keserjanaan dikalangan pelanggannya dengan menggalakkan jalinan kerjasama dengan pemain industri, NGO serta komuniti melalui **MoU** dan **MoA** (Rajah 3.5(3b)) diperingkat tempatan dan antarabangsa sehingga berjaya membentuk 16 MoU/MoA yang telah termenterai (Rajah 3.5(3c)). FSG sangat proaktif dalam membudayakan **Program Outbound** antarabangsa sebagai usaha pembentukan karakter, keterampilan sosial serta pengembangan diri dan sahsiah pelajar menerusi program FSG **Summer Program 2024: Discover the Charm of Malaysia** yang dianjurkan bersama **Bunkyo Gakuin University** (BGU), Tokyo, Japan (Rajah 3.5(4a)). Program ini disertai oleh 11 **delegasi** pelajar siswazah BGU yang bertujuan untuk memperkenalkan budaya, sejarah, makanan, seni bina Melayu, dan kehidupan harian Malaysia kepada peserta antarabangsa. FSG bertindak optimis dengan memperkasakan peranan dalam usaha menjaga kesihatan mental dan meningkatkan kesejahteraan pelajar menerusi program **Voice Unheard Sympathy and Support (VUESS)** (Rajah 3.5(4b)) **serta International Webinar on Mental Health Awareness** dengan kerjasama persatuan Himpunan Mahasiswa Jurusan Psikologi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau (**UIN SUSKA**) (Rajah 3.5(4c)). Penubuhan kelab pelajar ini berperanan untuk membimbing rakan sebaya dengan pengayaan asas kemahiran mendengar, membantu, kaunseling dan komunikasi. Inisiatif ini dapat **memberikan intervensi awal, mengurangkan tekanan dan kebimbangan, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih sihat dan produktif** serta meningkatkan tumpuan terhadap pembelajaran dan kecemerlangan bakat.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB05_20251_AKNC2025_Kriteria3.5_Senarai Bukti 1.pdf](#)
2. [K0019_T01_TB05_20252_AKNC2025_Kriteria3.5_Senarai Bukti 2.pdf](#)
3. [K0019_T01_TB05_20253_AKNC2025_Kriteria3.5_Senarai Bukti 3.pdf](#)
4. [K0019_T01_TB05_20254_AKNC2025_Kriteria3.5_Senarai Bukti 4.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Gunaan (FSG) komited melaksanakan sistem pengukuran prestasi pelajar menyeluruh melalui empat dimensi utama iaitu **akademik, penglibatan pelajar, kebolehpasaran, dan keusahawanan**. Pendekatan ini berasaskan kitaran **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** yang menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan serta jaminan kualiti pendidikan tinggi di UiTM. PDCA digunakan sebagai rangka kerja sistematik untuk memastikan setiap peringkat pelaksanaan dinilai dengan jelas dan ditambah baik secara konsisten.

Perancangan (Plan) dimulakan dengan mengenal pasti bidang tumpuan fakulti yang selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025. FSG merangka strategi bagi mengukur kemenjadian pelajar melalui instrumen seperti CDL-CQI, SKPG, *Dashboard* i-HEP dan MyENT. Aspek akademik memberi penekanan kepada gred peperiksaan, EES, SuFO, OBE-SCL dan CO-PO-LO-KI. Dalam masa sama, aktiviti penglibatan pelajar di peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa dirancang untuk membina kepimpinan dan sahsiah. Kebolehpasaran graduan diperkukuh dengan latihan industri, MOU/MOA serta penglibatan industri dalam semakan kurikulum. Keusahawanan pula menekankan penyertaan dalam pertandingan, penubuhan perniagaan dan kerjasama dengan agensi luar bagi menggalakkan inovasi.

Pelaksanaan (Do) dijalankan secara konsisten melalui platform digital dan program fakulti. Dalam akademik, data direkod melalui e-Res, UFUTURE dan MOOC serta dibincangkan dalam pra-JAF dan JAF. Program pelajar dipantau melalui *Dashboard* i-HEP yang merekod aktiviti kebajikan, kepimpinan, kesukarelawanan, sukan dan aktiviti antarabangsa. Kebolehpasaran diukur melalui SKPG enam bulan selepas tamat pengajian bagi mengenal pasti kadar bekerja, bidang pekerjaan dan pendapatan. Aktiviti keusahawanan digerakkan melalui MyENT dengan penyertaan dalam projek inovasi, penilaian kompetensi serta latihan digital. Semua data yang dikumpul disalurkan ke peringkat universiti untuk analisis, audit dalaman dan pelaporan prestasi secara menyeluruh.

Pemantauan (Check) dilaksanakan melalui analisis data yang dibincangkan dalam mesyuarat fakulti. CDL-CQI digunakan untuk mengenal pasti pencapaian PLO dan kelemahan kursus bagi tujuan penambahbaikan segera. Kebolehpasaran dipantau melalui *Dashboard* GE ICAN, dengan laporan dibawa ke mesyuarat penyelidikan dan strategik fakulti. Aktiviti pelajar dipantau melalui *Dashboard* i-HEP, *SmartHEP* dan UePMO, dengan laporan bulanan dibincangkan dalam MJPP dan MKSP. Keusahawanan pula dipantau melalui MyENT oleh koordinator MASMED sebelum dibawa ke mesyuarat strategik fakulti dan universiti. Proses pemantauan ini memastikan setiap keputusan berpandukan data telus, membolehkan fakulti mengenal pasti isu lebih awal serta mengurangkan risiko kegagalan mencapai sasaran utama.

Tindakan Penambahbaikan (Act) dilaksanakan berasaskan analisis dan pengurusan risiko. Antara tindakan utama termasuk meningkatkan kesedaran pelajar dan pensyarah terhadap kepentingan EES, memperkukuh kursus dengan pencapaian PLO rendah melalui bengkel, serta menambah baik *Dashboard* i-HEP dengan fungsi tambahan untuk laporan lebih jelas. Dari segi kebolehpasaran, FSG melantik *Person In Charge* (PIC) industri di setiap pusat pengajian, mempercepat proses MOU/MOA, dan menggunakan komunikasi digital untuk memastikan SKPG lengkap. Dalam keusahawanan, kursus ENT600 digunakan sebagai pemangkin dengan penglibatan tenaga pengajar industri bagi meningkatkan penyertaan. Tindakan ini membolehkan fakulti memperbaiki kelemahan, membina kekuatan baharu, serta menyesuaikan strategi dengan perubahan landskap pendidikan dan industri semasa.

Secara keseluruhannya, PDCA yang dilaksanakan secara sistematik telah berjaya membudayakan penjaminan kualiti di FSG. Melalui perancangan strategik, pelaksanaan

bersepadu, pemantauan berasaskan data dan tindakan penambahbaikan berterusan, FSG melahirkan graduan holistik, berdaya saing dan inovatif. Pendekatan ini turut memperkukuh reputasi UiTM sebagai institusi yang mendukung aspirasi pendidikan negara serta mempertingkatkan kedudukan universiti di peringkat antarabangsa sekaligus memberi impak positif kepada masyarakat

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Gunaan (FSG) melaksanakan pendekatan pengukuran prestasi pelajar yang menyeluruh merangkumi **4 dimensi** utama (akademik, penglibatan pelajar, kebolehpasaran, dan keusahawanan). Pendekatan ini dibangunkan untuk memastikan penilaian yang holistik terhadap perkembangan pelajar dari aspek akademik dan bukan akademik.

Dalam dimensi **akademik**, FSG telah mengaplikasikan sistem pengukuran akademik yang mantap berasaskan beberapa parameter prestasi utama dalam **CDL-CQI** merangkumi **Exam Grade, Entrance Exit Survey (EES), SuFO, OBE-SCL, dan CO-PO-LO-KI** (Rajah 4.2(1a)&(1b)). Setiap semester, data ini dibentang di peringkat program melalui mesyuarat pra-JAF dan peringkat fakulti di mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bagi mengenalpasti isu prestasi dan langkah intervensi dengan lebih efektif. FSG turut melaksanakan pelan pembelajaran digital melalui **MOOC** dan mendapatkan maklum balas melalui **Google Form** (Rajah 4.2(1c)) sebagai asas penambahbaikan. Selain itu, data inisiatif penerbitan pelajar bersama pensyarah dikumpul melalui sistem **PRIME** (Rajah 4.2(1d)) dapat meningkatkan kualiti penyelidikan. Data yang komprehensif ini menyokong proses audit dalaman dan luaran serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Hasilnya dapat dilihat melalui pencapaian UiTM dalam penarafan *QS World University Rankings by Subject* (Rajah 4.2(1e)).

Pengukuran aktiviti **penglibatan pelajar** pula dilaksanakan melalui **Dashboard i-HEP FSG** (Rajah 4.2(2a)) yang membolehkan pemantauan program pembangunan pelajar di pelbagai peringkat bagi mencapai **9 PI Hal Ehwal Pelajar (HEP) FSG** yang ditetapkan (Rajah 4.2(2b)). Di peringkat fakulti, program seperti **e-Sport Day** (Rajah 4.2(2c)) dan **Food Innovation and Product Development** (Rajah 4.2(2d)) memupuk kreativiti dan kerjasama berpasukan. Aktiviti kemasyarakatan seperti **Down to Earth** (Rajah 4.2(2e)) dan **PCG Be Green** (Rajah 4.2(2f)) pula memfokus kepada kesedaran sosial dan alam sekitar, termasuk kerjasama strategik dengan rakan industri seperti **PETRONAS**. Penyertaan dalam program universiti seperti **Simposium Organisasi Holistik** (Rajah 4.2(2g)) dan program **Elevating Nation's Dynamic Sport Fiesta** (ENDSF) (Rajah 4.2(2h)) mengukuhkan kemahiran kepimpinan di kalangan pelajar. FSG turut aktif dalam program **antarabangsa** seperti **E-Forum MY FSG 2.0** (Rajah 4.2(2i)) yang melibatkan **218 peserta** dari **Malaysia, Perancis dan Indonesia** bagi membincangkan isu gelandangan. Pendekatan holistik ini mencerminkan komitmen FSG dalam melahirkan graduan berilmu dan bersedia menghadapi cabaran global.

Dalam dimensi **kebolehpasaran**, FSG mengukur dapatan kebolehpasaran graduan melalui **platform SKPG** (Rajah 4.2(3a)) yang dikumpul selepas pelajar tamat pengajian. FSG turut melibatkan **wakil industri** dalam jaringan kerjasama MOU/MOA, laporan penyelia latihan industri dan penyelidikan bersama dan juga semakan kurikulum (Rajah 4.2(3b)&(4a)) bagi mendapatkan maklumbalas kemenjadian graduan. Pendekatan ini telah berjaya meningkatkan kualiti program dan meyakinkan industri untuk melantik pelajar FSG sebagai pekerja sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan FSG. Fakta ini disokong oleh pengiktirafan nasional dari **Talentbank** (Rajah 4.2(4b)).

Pengukuran aspek **keusahawanan** dilaksanakan melalui platform **MASMED YOUNG ENTREPRENEUR (MyENT)** disediakan oleh *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development* (MASMED) di mana aspek keusahawanan ini diukur berdasarkan beberapa petunjuk prestasi seperti penganjuran pertandingan keusahawanan, bilangan perniagaan pelajar yang berjaya ditubuhkan, penglibatan dalam projek inovasi digital dan teknologi, serta kolaborasi dengan agensi luar dan industri (Rajah 4.2(5a)). Kerjasama strategik ini menyediakan pelbagai program kepada pelajar bagi menyokong idea perniagaan pelajar (Rajah 4.2(5b)).

Pendekatan bersepadu FSG ini memastikan pembangunan pelajar yang seimbang dari semua aspek, selaras dengan hasrat universiti untuk melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_A01_AB02_20251_FSG_Lampiran Pengukuran 4.2.1.pdf](#)
2. [K0019_A01_AB02_20252_FSG_Lampiran Pengukuran 4.2.2.pdf](#)
3. [K0019_A01_AB02_20253_FSG_Lampiran Pengukuran 4.2.3.pdf](#)
4. [K0019_A01_AB02_20254_FSG_Lampiran Pengukuran 4.2.4.pdf](#)
5. [K0019_A01_AB02_20255_FSG_Lampiran Pengukuran 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pengukuran bagi empat aspek utama iaitu **kebolehpasaran, kecemerlangan akademik, penglibatan pelajar**, dan **keusahawanan** di UiTM dilaksanakan secara sistematik dan berterusan melalui pelbagai sumber serta platform digital yang telah ditetapkan. Setiap komponen ini memainkan peranan penting dalam menilai keberkesanan sistem pendidikan tinggi serta dalam menambah baik perancangan strategik fakulti dan universiti secara keseluruhan (Jadual 4.3(1)).

Dari segi pengukuran **kecemerlangan akademik**, data diperoleh melalui platform seperti **SIMS, eRES** (Rajah 4.3(2a)), **UFUTURE** (Rajah 4.3(2b)), **MOOC** (Rajah 4.3(2c)), **UPTracks** dan **QS World University Rankings by Subject** dan dikendalikan oleh **Hai Ehwat Akademik (HEA), Institute of Postgraduate Studies (IPSiS)** serta **UiTM Global**. Manakala, **data penerbitan penyelidikan pelajar** di daftar di sistem **PRIME**. Pelaksanaan pengumpulan data berlaku pada setiap semester, membolehkan analisis berkala dijalankan untuk memantau prestasi pelajar dan keberkesanan penyampaian akademik. Data dianalisa secara kuantitatif, seterusnya dimajukan ke JPI bagi pengukuran MyRA fakulti dan digunakan oleh pihak UiTM Global (Rajah 4.3(2e)) bagi pengukuran **QS World University Rankings by Subject 2024**.

Dalam konteks **penglibatan pelajar**, pengurusan maklumat dijalankan melalui **Dashboard i-HEP FSG** (Rajah 4.3(3a)). Data ini melibatkan bilangan program yang dijalankan, maklumbalas program, pemetaan PI dan kategori program yang dikemas kini dan dianalisa secara bulanan oleh unit **HEP**. Analisa program mengikut kategori seperti peringkat fakulti, universiti, kebangsaan, dan antarabangsa juga dilaksanakan (Rajah 4.3(3b)). Kebajikan pelajar juga tidak diabaikan, dimana data-data pemohon zakat (ZAWAF) turut dikumpulkan dan diproses bagi mengenalpasti pemohon yang layak (Rajah 4.3(3c)). Laporan bulanan yang terhasil akan dibentangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (MJPP) dan Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti (MTAF)** bagi tujuan pemantauan tahap penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dan pembangunan sahsiah.

Bagi aspek pengukuran **kebolehpasaran graduan (GE)**, data dikumpul melalui **SKPG, Kementerian Pengajian Tinggi** (Rajah 4.3(4a)), yang dijalankan enam bulan selepas pelajar menamatkan pengajian. Sistem ini diuruskan oleh **Penyelidikan Jaringan Industri & Alumni (PJIA) dan Industrial, Community and Alumni Network (ICAN)**. Kajian ini dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi pelajar FSG dari kampus induk mahupun kampus cawangan UiTM di seluruh negara. Antara perincian data yang dikumpul ialah **kadar bekerja, komposisi bidang pengajian, pendapatan bulanan, kumpulan pekerjaan utama, kadar usahawan dan sebab belum bekerja** (Rajah 4.3(4b)). Tambahan pula, data yang dikumpulkan turut dikongsi oleh PJIA kepada sistem ICAN UiTM secara keseluruhan bagi tujuan analisis dan perancangan peningkatan kebolehpasaran graduan. Data dianalisa secara kuantitatif. Secara keseluruhannya FSG telah mencapai **90.7% GE** pada tahun 2024 (Rajah 4.3(4c)). Melalui data tersebut FSG turut menilai prestasi setiap program bagi menentukan keberkesanan kurikulum dan bersesuaian dengan keperluan industri.

Aspek **keusahawanan** pula diukur melalui platform **MyENT** (Rajah 4.3(5a)) yang dibangunkan oleh **MASMED**. Proses pengumpulan data dilaksanakan pada minggu 3-4 setiap bulan, diikuti dengan proses pengesahan dan pengekstrakan data. Data seperti **mod perniagaan, bidang perniagaan dan tempoh berniaga** dikumpul di MyENT dan digunakan sebagai instrumen

untuk penilaian sendiri pelajar berkaitan **kompetensi keusahawanan, penyelidikan berasaskan keusahawanan, dan input kepada penilaian impak kursus berkaitan keusahawanan**. Maklumat yang terhasil dari pengukuran, analisis dan pengurusan maklumat diuruskan dengan diteliti, kerana FSG sangat komited dalam membangunkan usahawan bagi menyokong aspirasi UiTM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, berfikiran usahawan dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB03_20251_FSG_Lampiran Pengukuran 4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB03_20252_FSG_Lampiran Pengukuran 4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB03_20253_FSG_Lampiran Pengukuran 4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_A01_AB03_20254_FSG_Lampiran Pengukuran 4.3\(4a.b\).pdf](#)
5. [K0019_A01_AB03_20255_FSG_Lampiran Pengukuran 4.3\(4c\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penganalisan data akademik pelajar telah dilaksanakan secara teliti bagi penambahbaikan aspek Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Pemantauan **kecemerlangan akademik** pelajar FSG dilakukan melalui penganalisan data pencapaian keputusan peperiksaan akhir, Projek Tahun Akhir 1 dan 2 (**FYP 1 dan FYP 2**) dan **latihan industri (LI)** yang diperolehi melalui portal **e-Result Exam System (e-Res)**, akan dibincangkan dalam **Mesyuarat Pra-JAF** di peringkat program, yang juga melibatkan pensyarah dari fakulti dan cawangan lain (Rajah 4.4.1(1a-1b)). Pelaporan analisa CDL-CQI merangkumi data **Exam Gred, EES, SUFO, OBE-SCL dan CO-PO-LO-KI** melibatkan semua program di fakulti bersama dengan pelaporan **Program Learning Outcomes (PLO) Attainment** yang dibentangkan di **Mesyuarat JAF** sebagai sebahagian daripada proses pemantauan dan penambahbaikan akademik secara berterusan (Rajah 4.4.1(1c)).

Data hasil kaji selidik yang dikumpul di **Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** (Rajah 4.4.1(2a)) dipantau melalui **Dashboard GE ICAN** (Rajah 4.4.1(2b)). Pemantauan data **kebolehpasaran graduan (GE)** dilaksanakan melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti** (Rajah 4.4.1(2c)) dan **Mesyuarat Perancangan Strategik** (Rajah 4.4.1(2d)) yang diadakan setiap 3 bulan sekali untuk makluman dan tindakan pihak **Pengurusan Kanan FSG** bagi memastikan kebolehpasaran pelajar berada pada tahap yang cemerlang.

Pemantauan **petunjuk prestasi (PI) HEP** yang melibatkan **program aktiviti pelajar** dilaksanakan melalui **Mesyuarat JPPP** dan **Mesyuarat Perancangan Strategik** (Rajah 4.4.1(3a)). Data-data peratusan pencapaian setiap projek yang dicerap melalui **sistem digital (Dashboard i-HEP, SmartHEP, UePMO, Dashboard Power BI TRU dan UiSMS)** dibentangkan dan dibincangkan di mesyuarat tersebut bagi menilai tahap risiko dan merangka tindakan penambahbaikan (Rajah 4.4.1(3b)). Seterusnya, pelaporan dibuat di **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** bagi penambahbaikan tahun 2025 (Rajah 4.4.1(3c)).

Koordinator MASMED FSG menjalankan pemantauan aktiviti keusahawanan pelajar melalui **sistem myENT MASMED** (Rajah 4.4.1(4a)). **Template Risk Strategic Action Plan (SAP)** merujuk kepada **borang atau jadual penilaian risiko** yang digunakan oleh MASMED FSG untuk melaksanakan **SAP** yang didaftarkan dalam **sistem UiSMS** (Rajah 4.4.1(4b)). Segala perkara atau isu yang berkaitan dengan MASMED FSG akan dibentangkan oleh Koordinator MASMED dalam **Mesyuarat Perancangan Strategik** yang diadakan setiap 3 bulan sekali untuk tindakan maklumbalas Pengurusan Kanan FSG (Rajah 4.4.1(4c)). Selain itu, koordinator MASMED FSG juga menghadiri **Mesyuarat Kendiri** setiap bulan bersama Pengarah dan ketua-ketua jabatan di pejabat MASMED UiTM untuk perbincangan berkenaan data MASMED (Rajah 4.4.1(4d)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_A01_AB04_AC01_20251_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB04_AC01_20252_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB04_AC01_20253_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0019_A01_AB04_AC01_20254_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(4\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

RISIKO 1: Pelaporan skor yang lemah bagi EES, OBE-SCL dan CO-PO-LO-KI

Pelaporan CDL-CQI di Mesyuarat JAF (Rajah 4.4.2(1a)) mendapati ramai pelajar tidak menjawab **survey EES** walaupun telah diberikan peringatan berulang kali oleh pensyarah menyebabkan sesuatu program itu jatuh pada kuadran semak semula. Selain itu, **Resource Person (RP) subjek servicing** masih ramai yang tidak melengkapkan pelaporan di peringkat kursus menyebabkan pelaporan skor yang lemah terutama untuk **EES, OBE-SCL dan CO-PO-LO-KI** (Rajah 4.4.2(1b)). **Pelaporan PLO Attainment** bagi setiap kursus yang telah dibentangkan dan setiap pencapaian yang rendah dikenalpasti bagi proses penambahbaikan (Rajah 4.4.2(1c)).

RISIKO 2: Ketidakstabilan emosi dan mental pelajar

Sistem Pengurusan Risiko Elektronik (e-RMS) juga mengenalpasti sebilangan pelajar menunjukkan tanda-tanda **ketidakstabilan emosi** dan mental seperti tekanan dan kemurungan. Masalah ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti beban tugas akademik, tekanan sosial, isu kewangan, serta masalah peribadi atau keluarga. Keadaan ini boleh menjejaskan **kehadiran pelajar ke kuliah** dan seterusnya **mempengaruhi pencapaian akademik**, sekaligus memberi kesan negatif kepada reputasi fakulti dan universiti kerana ianya boleh **menjejaskan kadar graduan on-time (GOT)** dan **kadar kebolehpasaran graduan (GE)** (Rajah 4.4.2(2)).

RISIKO 3: Kesukaran untuk mendapatkan MoU/MoA Industri

Risiko kesukaran untuk mendapatkan **MoU/MoA industri** telah didaftarkan dalam sistem e-RMS berpotensi menjejaskan **KPI ICAN** dan **bilangan pelaporan aktiviti MoU/MoA industri**. Ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada **kesukaran dalam penempatan pelajar untuk latihan industri** dan **penurunan dalam kebolehpasaran graduan FSG**. Perkara ini disebabkan oleh sebilangan pensyarah dan penyelidik FSG tidak terdedah dan mempunyai hubungan kolaborasi yang minimum dengan pihak industri berbanding kolaborasi bersama universiti tempatan dan antarabangsa. Selain itu, **proses pendaftaran MoU/MoA** juga mengambil **masa yang lama** kerana perlu melepasi beberapa proses kelulusan sebelum berjaya dimana perkara ini boleh menjejaskan kelancaran perancangan kerjasama dengan pihak industri (Rajah 4.4.2(3)).

RISIKO 4: Maklumat yang diisi oleh graduan dalam sistem SKPG 1.0 adalah tidak lengkap

Isu-isu yang dikenal pasti melalui **sistem SKPG 1.0** ialah maklumat yang diisi oleh graduan adalah **tidak lengkap** dan **tidak tepat**. Seseengah graduan juga **tidak dapat dihubungi** selepas tamat pengajian dan perkara ini memberi kesan kepada kelengkapan data dalam **sistem SKPG 2.0**. Keadaan ini boleh **menjejaskan ketepatan data serta menyukarkan pengukuran peratusan kebolehpasaran graduan FSG** secara menyeluruh (Rajah 4.4.2(4)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB04_AC02_20251_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB04_AC02_20252_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB04_AC02_20253_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_A01_AB04_AC02_20254_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.2\(4\).pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN 1

Kesedaran pelajar terhadap kaedah dan **tanggungjawab pengisian EES** terus diberikan oleh **HEA FSG** melalui **platform media sosial fakulti, e-mel rasmi dan hebahan melalui pensyarah yang mengajar** bagi **kursus yang memperoleh skor EES rendah (<2.0)** (Rajah 4.4.3(1a)). **Unit HEA** juga memaklumkan kepada **RP kod universiti dan pensyarah kursus servis dari fakulti lain** agar melengkapkan maklumat berkaitan **EES, OBE-SCL, dan CO-PO-LO-KI** di peringkat kursus masing-masing kerana perkara ini **mempengaruhi pelaporan CDL-CQI** sebenar di peringkat **program**. Bagi kursus dengan pencapaian **PLO yang rendah**, beberapa inisiatif seperti **Bengkel Skor Matematik (BESMAT)** telah dilaksanakan bagi memantapkan pengetahuan pelajar (Rajah 4.4.3(1b)).

PENAMBAHBAIKAN 2

Penambahbaikan pemantauan data telah dibuat, di **sistem Dashboard i-HEP**. Beberapa column tambahan telah ditambah bagi memperincikan data yang diperlukan dan memudahkan pelaporan yang akan dibuat pada tahun 2025 (Rajah 4.4.3(2a)). Dashboard ini juga merekodkan pemantauan data PI utama HEP 2025 yang lebih strategik berbanding data tahun 2024 . **Tindakan kawalseliaa segala aktiviti pelajar** yang dijalankan di peringkat program dan fakulti seperti **pengantaran laporan dan borang survey pelajar** menjadi **lebih terperinci dan teratur**.

PENAMBAHBAIKAN 3

FSG memperkukuh hasil kebolehpasaran graduan FSG melalui kolaborasi industri yang lebih mantap dan intervensi peningkatan kompetensi pelajar adalah melalui **Person In Charge (PIC)** yang **aktif dengan industri** untuk setiap program di pusat pengajian FSG. Pensyarah FSG digalakkan untuk **menjalin MoU/MoA baharu dengan industri berkaitan dengan program pengajian**. Selain itu, FSG juga mempercepatkan proses kolaborasi industri dengan **memudahkan penyediaan dokumen disamping penggunaan bahasa dan terma yang sesuai dengan keperluan industri** (Rajah 4.4.3(3a)).

FSG juga mengadakan **Analisa SWOT** bersama warga FSG bagi melonjakkan usaha kebolehpasaran graduan bagi setiap program akademik yang ditawarkan. Semua **KPP** melalui **Koordinator program** disarankan untuk mengekalkan **Kumpulan Whatsapp/ Telegram pelajar tahun akhir** untuk berhubung semula berkenaan **pemantauan pengisian survey SKPG** bagi memastikan pengukuran peratusan kebolehpasaran graduan FSG adalah lebih tepat (Rajah 4.4.3(3b)).

PENAMBAHBAIKAN 4

Subjek Technology Entrepreneurship (ENT600) akan dimanfaatkan sebagai pemangkin untuk menarik minat pelajar agar terlibat serta menyertai program keusahawanan yang telah dirancang oleh pihak fakulti. Sehubungan itu, **pra pengenalanpastian terhadap tenaga pengajar keusahawanan dari syarikat, industri dan program yang berkaitan** turut dilaksanakan bagi memastikan penglibatan pelajar yang lebih berkesan (Rajah 4.4.3(4a)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB04_AC03_20251_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB04_AC03_20252_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB04_AC03_20253_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_A01_AB04_AC03_20254_FSG_Lampiran Pengukuran 4.4.3\(4\).pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSG telah berjaya membudayakan sistem pengukuran pelajar secara menyeluruh melalui pendekatan bersepadu (Rajah 4.5(1a)) yang merangkumi 4 bidang utama (akademik, penglibatan pelajar, kebolehpasaran, dan keusahawanan).

Dalam aspek **akademik**, data dari sistem penilaian berasaskan CDL-CQI FSG melalui portal **UFUTURE** (Rajah 4.5(1b)) telah dijadikan **pelaporan rasmi dalam audit dalam** dan **audit iQMS** seperti yang tertera dalam **Manual Kualiti UiTM 2024** (Rajah 4.5(1b)). Pelaksanaannya disokong oleh pelaporan prestasi kursus, **SuFO** dan **pemantauan PLO** (Rajah 4.5(1c)). Mesyuarat penilaian akademik berkala di peringkat program dan fakulti dijadikan platform untuk membincangkan data secara telus. Keberkesanan pendekatan ini turut dibuktikan melalui adaptasi model penilaian inisiatif seperti **UPTracks** (Rajah 4.5(1d)) yang memantau pencapaian siswazah berdasarkan indikator akademik dan insaniah.

Dalam bidang **penglibatan pelajar**, inovasi **Dashboard i-HEP FSG** (Rajah 4.5(2a)) telah dinaiktaraf dengan **menambah kategori tab** membolehkan pelaporan data secara menyeluruh terhadap aktiviti pelajar, merangkumi kesukarelawanan, kepimpinan, sukan dan pembangunan sahsiah. Pelaporan digital ini telah dibudayakan oleh penyelaras program dan penasihat persatuan pelajar sebagai sebahagian daripada tugas rasmi. Pelajar juga dibimbing untuk menghasilkan laporan reflektif melalui penganjuran **Kursus Pengurusan Organisasi** (Rajah 4.5(2b)) sebagai sebahagian daripada pemantauan impak, sekali gus menjadikan proses ini satu amalan pembelajaran berterusan. Ini dibuktikan dengan kejayaan pelajar menerima **Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman** (Rajah 4.5(2c)).

Dalam dimensi **kebolehpasaran**, pelaksanaan kajian tinjauan kebolehpasaran graduan melalui sistem SKPG dengan kerjasama ICAN telah menjadi elemen wajib dalam proses semakan kurikulum. Di peringkat fakulti, hasil pelaporan melalui maklum balas pelajar, alumni dan industri (Rajah 4.5(3a)) **dibudayakan dalam pelbagai mesyuarat semakan kurikulum program dan pembangunan modul baharu**. Semakan keberkesanan kursus berasaskan keperluan industri menjadikan FSG lebih responsif dalam penghasilan graduan berdaya saing. Peningkatan penambahan subjek *Materials Science* dalam senarai *QS Rankings by Subject 2025* turut menunjukkan keberkesanan usaha ini di samping lonjakan ke **top 550 bagi ketiga-tiga subjek (Physics & Astronomy, Chemistry, dan Materials Science)** (Rajah 4.5(3b)).

Bagi bidang **keusahawanan**, kerjasama bersama MASMED telah melahirkan budaya penilaian projek pelajar yang menyeluruh. Setiap penyertaan dinilai melalui **sesi pitching, pelan perniagaan dan laporan jualan** sebelum layak menerima dana pembangunan (Rajah 4.5(4a)). FSG turut mengadakan pelbagai program berkala yang kini menjadi sebahagian daripada budaya pembangunan pelajar berteraskan keusahawanan (Rajah 4.5(4b)). Galakan pendaftaran perniagaan pelajar secara rasmi melalui *platform* baharu, **MyStudent** bagi **menggantikan MyENT** (Rajah 4.5(4c)), sejajar dengan usaha memperkasa kebolehpasaran dan keusahawanan graduan. Pengiktirafan oleh rakan industri terhadap model penilaian ini mengesahkan keberkesanannya dalam melahirkan graduan yang mampu mencipta kerjaya sendiri. FSG proaktif dalam **membudayakan pemantauan PI keusahawanan** seperti bilangan syarikat ditubuhkan, projek digital, dan penglibatan dalam program inovasi teknologi secara objektif dan berterusan (Rajah 4.5(4d)).

Secara keseluruhan, pembudayaan sistem pengukuran di FSG telah melahirkan ekosistem penilaian yang kukuh dan berimpak tinggi. Pelaksanaan yang konsisten, sokongan sistematik dan penerapan dalam budaya kerja harian menjadikan FSG sebuah fakulti yang progresif dan bertanggungjawab terhadap kualiti graduan. Sejalan dengan Pelan Strategik UiTM 2025, FSG komited untuk terus memperkukuh budaya penjaminan kualiti demi kecemerlangan pelajar dan reputasi institusi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB05_20251_FSG_Lampiran Pengukuran 4.5.1 conv.pdf](#)
2. [K0019_A01_AB05_20252_FSG_Lampiran Pengukuran 4.5.2 conv.pdf](#)
3. [K0019_A01_AB05_20253_FSG_Lampiran Pengukuran 4.5.3.pdf](#)
4. [K0019_A01_AB05_20254_FSG_Lampiran Pengukuran 4.5.4 conv.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

SUMBER MANUSIA: MENGURUS POTENSI, MEMACU PRESTASI

Fakulti Sains Gunaan (FSG), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah melaksanakan pendekatan pengurusan sumber manusia yang bersifat holistik dan strategik berasaskan tiga kaedah utama iaitu "**Gain, Train dan Reward**". Pendekatan ini sejajar dengan prinsip pengurusan kualiti berterusan **Plan-Do-Check-Act (PDCA)**, dan direka untuk menyokong objektif fakulti dalam melahirkan pelajar yang holistik, membina staf yang berdaya saing di peringkat global, serta memperkukuh kecemerlangan akademik dan pembangunan organisasi secara keseluruhan.

Plan - FSG kini mempunyai seramai **212 staf akademik dan 77 staf sokongan**. Daripada jumlah itu, **97% tenaga akademik** memiliki kelulusan **PhD**, manakala **3%** merupakan staf **ekspatriat**. Ini mencerminkan kekuatan dan kepelbagaian tenaga kerja yang dimiliki fakulti. Ramai daripada mereka turut aktif menyumbang di luar institusi melalui pelantikan sebagai penasihat persatuan dan memegang jawatan penting di peringkat nasional dan antarabangsa, membuktikan kepakaran dan kebolehppercayaan mereka. Dalam aspek pembangunan pelajar, pendekatan **inklusif** diterapkan melalui pemilihan **146 pemimpin pelajar** untuk menerajui tujuh persatuan dalaman menerusi proses temuduga. Ini membuktikan bahawa pembangunan kepimpinan pelajar dilaksanakan secara sistematik dan strategik.

Do - Seterusnya, FSG telah menganjurkan pelbagai program pembangunan pelajar seperti **SULAM, pertandingan 3 Minute Thesis, Kuiz Alam Sekitar**, serta **program pertukaran pelajar** yang memberi nilai tambah terhadap pengalaman pembelajaran dan kebolehpasaran graduan. Bagi memperkukuh kompetensi staf, pelbagai **latihan profesional dalaman dan luaran** dijalankan. **Sistem penggiliran** juga dilaksanakan kepada staf makmal untuk memastikan pengurusan sumber manusia yang cekap dan seimbang. Di samping itu, penyelidikan dan inovasi turut digalakkan sebagai satu bentuk pembangunan profesional berterusan. Pengiktirafan dan penghargaan juga menjadi aspek penting dalam pendekatan "**Reward**" FSG. Penghargaan diberikan kepada staf melalui saluran seperti media sosial, emel korporat, penganugerahan sijil dan majlis penghargaan khas. Majlis seperti **Malam Pra Graduan** turut diadakan bagi meraikan kejayaan pelajar, termasuk penganugerahan gelaran seperti **Presiden Terbaik dan Tokoh Akademik** yang menjadi simbol penghargaan terhadap kecemerlangan. Di peringkat yang lebih luas, strategi pengurusan sumber manusia FSG diperluas ke peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Pelantikan staf ke pusat kecemerlangan serta jawatan utama di universiti membuktikan pengiktirafan terhadap kepakaran mereka. Malah, beberapa staf turut dilantik sebagai **profesor pelawat dan ahli badan profesional antarabangsa**, sekaligus mengukuhkan reputasi global fakulti. Pelajar pula dibimbing untuk menyerlah bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam kepimpinan, kesukarelawanan dan keusahawanan.

Check - Pemantauan keberkesanan pengurusan dilakukan secara berstruktur melalui e-Aduan, soal selidik serta perjumpaan penasihat akademik secara berkala. Kadar kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan **Hal Ehwal Pelajar (HEP)** melebihi **80%**, manakala skor **SUFO** meningkat kepada **77%** pada tahun 2024. FSG turut mengenal pasti beberapa risiko strategik seperti kekurangan Profesor Madya, isu integriti dalam kalangan staf, serta kurangnya penglibatan penasihat persatuan.

Act - Bagi menangani isu ini, program khas seperti Bengkel Kenaikan Pangkat dan pemantapan peranan **PI HEP** telah dilaksanakan bagi memastikan kelestarian prestasi.

Secara keseluruhannya, pendekatan holistik FSG dalam pengurusan sumber manusia bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian akademik, malah turut mewujudkan ekosistem pendidikan yang progresif dan lestari. Dengan pelaksanaan strategi yang tersusun, menyeluruh dan responsif terhadap cabaran semasa, FSG terus kekal sebagai contoh institusi pengajian tinggi yang cemerlang dalam mengintegrasikan pembangunan staf dan pelajar ke arah kecemerlangan bertaraf dunia.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model Pengurusan Sumber Manusia FSG berpandukan kepada 3 teras utama iaitu “**Gain, Train and Reward**” (Rajah 5.2(1b)), selari dengan model PDCA (Rajah 5.2(1a)). Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuhkan kualiti pelajar dari segi akademik, malah turut meningkatkan kepuasan hati, motivasi serta prestasi mereka dalam pelbagai aspek kokurikulum dan kepimpinan. Pada tahun 2024, FSG mempunyai **212 staf akademik** dan **77 staf sokongan** dengan pelbagai gred jawatan (Rajah 5.2(1c)). Bilangan ini menunjukkan kekuatan sumber manusia yang mencukupi untuk menyokong operasi fakulti secara menyeluruh.

Struktur pengurusan diterajui oleh Pejabat Pengurusan Utama bersama tiga unit utama iaitu **Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar serta Jaringan Industri dan Alumni** dan disokong oleh **Unit Kualiti, Unit Pengurusan Risiko, Unit Makmal, Unit Strategik dan Transformasi** dan **Unit Komunikasi Korporat** (Rajah 5.2(1d)). Dengan ini, kepimpinan Pengurusan Kanan FSG telah menggariskan pendekatan pengurusan sumber manusia melalui kaedah berikut:

KAEDAH 1: “Gain” - Pelantikan staf dan pelajar di FSG

a) Staf:

FSG mempunyai seramai 212 staf akademik, **97% berkelulusan PhD (206 orang)** manakala **3% ekspatriat (6 orang)**. Sumber manusia ini bukan sahaja memberi kelebihan dari segi kepakaran, malah memperkayakan budaya organisasi dengan pelbagai perspektif antarabangsa. **7 staf akademik** dilantik sebagai **penasihat persatuan** (Rajah 5.2(1e)), manakala **50 staf** menyandang jawatan penting di **luar FSG** (Jadual 5.2(1f)), membuktikan kepakaran mereka diiktiraf luas.

b) Pelajar:

Seramai **146 orang pelajar** telah dilantik menerajui Jawatankuasa Persatuan Dalaman seperti **Sekretariat Mahasiswa Fakulti Sains Gunaan (SMF), KEKWA, ASYCC, RESDEC, ASPs, GAAMA dan ESAS** (Rajah 5.2(2a)). Pemilihan dilakukan melalui proses pencalonan dan temuduga (Rajah 5.2(2b)) bagi memastikan hanya calon yang berkualiti dipilih. Ini membuktikan komitmen FSG untuk membina kepimpinan pelajar yang berwibawa.

KAEDAH 2: “Train” - Latihan dan aktiviti untuk pembangunan staf dan pelajar

a) Staf:

Latihan dalaman dan luaran meningkatkan profesionalisme, kecekapan serta daya saing, selaras budaya kerja **#FSGPadu** (Jadual 5.2(2c)). Usaha ini membantu staf menghadapi cabaran global pendidikan tinggi.

Bagi staf makmal, sistem penggiliran tugas dua tahun sekali memperkukuh kemahiran. Penglibatan dalam geran, penerbitan dan pengkomersialan menggalakkan integrasi antara staf dan pelajar dalam penyelidikan serta inovasi.

b) Pelajar:

Program pembangunan termasuk **Modul KPO, Kepimpinan Persatuan Dalaman, 3 Minute Thesis** dan **Kuiz Alam Sekitar** (Jadual 5.2(2d)). Pendedahan melalui **SULAM, Collaborative Teaching, industrial talk, seminar/webinar, STEM** dan **Student Exchange Programme** menambah nilai pengalaman pembelajaran.

KAEDAH 3: Penghargaan (*Reward*) dan pengiktirafan

a) Staf:

Pengiktirafan diberikan melalui poster media sosial, emel korporat (Rajah 5.2(3a)). kenaikan

pangkat dan pencalonan anugerah (Rajah 5.2(3b)). **Penghargaan** tidak formal seperti ucapan dalam mesyuarat, slogan “**FSG PADU**” dan sijil penghargaan turut diamalkan, mewujudkan suasana kerja positif dan bermotivasi. yang positif, saling menghargai dan meningkatkan motivasi dalam kalangan staf untuk terus komited menyumbang kepada kemajuan pelajar.

b) Pelajar:

Majlis Malam Pra Graduan 2024 dan **Majlis Apresiasi Persatuan** memperkenalkan **8 kategori anugerah** seperti Persatuan Terbaik, Presiden Terbaik, Penasihat Terbaik dan Tokoh Akademik & Ilmiah (Rajah 5.2(3c), 5.2(3d)). Anugerah ini menjadi simbol penghargaan serta dorongan untuk terus menyumbang.

Pendekatan pengurusan sumber manusia FSG menekankan inklusif, latihan berterusan, komunikasi efektif dan pengiktirafan. Strategi ini melahirkan staf dan pelajar berdaya saing global, berintegriti serta berwibawa, sekali gus menyokong kecemerlangan akademik dan organisasi.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_S01_SB02_20251_Bukti Kriteria 5_PENDEKATAN \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB02_20252_Bukti Kriteria 5_PENDEKATAN \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB02_20253_Bukti Kriteria 5_PENDEKATAN \(3a\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB02_20254_Bukti Kriteria 5_PENDEKATAN \(3b,3c\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB02_20255_Bukti Kriteria 5_PENDEKATAN \(3d\).pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan dilaksanakan melalui pemerksaan sumber manusia yang berfokus kepada kemenjadian pelajar dalam pembangunan pelajar secara holistik. Ini merangkumi aspek akademik, penyelidikan dan inovasi, keusahawanan, keterlibatan komuniti serta kecemerlangan dalam bidang sukan dan kokurikulum seiring dengan matlamat **Pelan Strategik HEP 2020-2025 (PS HEP 2020-2025)** (Rajah 5.3(1a)) dan hasrat yang terkandung dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)** (Rajah 5.3(1b)).

Pengurusan Kanan FSG menitikberatkan kemajuan, memperkasa kemahiran dan menyerlahkan potensi pelajar demi mencetuskan lonjakan berimpak tinggi kepada **Survival Bangsa Melayu dan Bumiputera**, bukan sahaja di persada nasional, malah di pentas global.

Penglibatan serta pengoptimuman kepakaran dan pengalaman sumber manusia FSG kepada pembangunan pelajar siswazah/pascasiswazah telah dilaksanakan bukan sahaja di peringkat dalaman malahan luaran FSG berdasarkan kepada **3 Teras Strategik HEP** iaitu menyediakan **perkhidmatan dan kemudahan pelajar berkualiti, pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai dan kepimpinan pelajar berteras kompetensi global** (Rajah 5.31(1c)). Perluasan dalam memperkukuhkan bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar telah dilaksanakan di pelbagai platform bermula di peringkat fakulti (dalaman), UiTM, kebangsaan sehingga ke persada antarabangsa.

PERLUASAN PERINGKAT FAKULTI (DALAMAN)

Di peringkat dalaman FSG, **pelbagai jawatan** telah diwujudkan melalui unit HEA, HEP dan PJIA bagi memperkukuh kecekapan serta keberkesanan pengurusan sumber manusia demi menjamin kualiti terbaik bagi pembangunan pelajar siswazah dan pascasiswazah (Jadual 5.3(1d)).

Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) FSG yang dipimpin oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) dan dibantu oleh Penyelaras HEP memfokuskan peranan utama menerusi dua tumpuan bidang operasi iaitu **Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar** serta **Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar** dalam melahirkan pelajar yang holistik dan berdaya saing sejajar dengan **Pelan Strategik UiTM2025** (Rajah 5.3(2a)).

Penubuhan **persatuan dalaman FSG** berperanan memperkasa kompetensi kepimpinan, kesukanan, bakat kebudayaan, kesukarelawanan, jaringan kolaborasi industri dan keusahawanan mahasiswa terhadap agenda pembangunan holistik ke arah **Hasrat dan Matlamat UiTM Universiti Terkemuka Dunia 2025** di bawah **Tonggak 2: Pelajar Terkemuka Dunia** (Rajah 5.3(2b)).

PERLUASAN PERINGKAT UiTM DAN KEBANGSAAN

Keunggulan sumber manusia FSG disebar luas melalui pelantikan staf FSG yang berkelayakan dalam memegang jawatan penting di PTJ luar FSG di UiTM seperti UCS, iPROMISE, AURINS, BTU, BHEP, BPPA dan IPSIS UiTM (Rajah 5.3(3a)). Secara keseluruhannya, seramai **25 orang staf FSG** telah menjawat **jawatan utama di peringkat universiti**. Kehebatan FSG juga diakui apabila seramai **24 orang staf** terpilih sebagai ahli dalam **Pusat Kecemerlangan (CoE) UiTM** (Rajah 5.3(3b)).

Kepakaran sebahagian warga akademik terbukti dengan pelbagai lantikan lain seperti Penasihat, Pengarah, Ketua Jawatankuasa, Panel Penilai Luar dan Ahli Jawatankuasa Teknikal Jabatan Standard Malaysia (Rajah 5.3(3c)). Seramai **40 orang staf** FSG juga turut dilantik sebagai **ahli badan profesional dalam negara** (Rajah 5.3(4a)).

PERLUASAN PERINGKAT ANTARABANGSA

FSG juga gah dimata dunia apabila beberapa staf akademik dilantik sebagai Professor dan Penyelidik Pelawat, Ketua Penerbit Jurnal dan Pengucapnama Konferens oleh universiti luar negara (Rajah 5.3(5a)). Disamping itu, seramai **8 orang staf** FSG turut dilantik sebagai **ahli badan profesional antarabangsa** (Rajah 5.3(5b)). Hasil kejayaan ini diuar-uarkan dimedia sosial sebagai bukti penghargaan dan pengiktirafan dari Pengurusan Kanan FSG. Pencapaian ini membuktikan bahawa FSG terus unggul di persada antarabangsa, sekaligus mengharumkan nama fakulti dan universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB03_20251_BUKTI KRITERIA 5_PERLUASAN \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB03_20252_BUKTI KRITERIA 5_PERLUASAN \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB03_20253_BUKTI KRITERIA 5_PERLUASAN \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB03_20254_BUKTI KRITERIA 5_PERLUASAN \(4\) LATEST.pdf](#)
5. [K0019_S01_SB03_20255_BUKTI KRITERIA 5_PERLUASAN \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak Pengurusan Kanan FSG menyediakan platform untuk memantau dan mengukur tahap kepuasan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran dan sokongan hal ehwal pelajar (HEP) bagi menjamin pencapaian akademik melalui suasana kondusif.

PEMANTAUAN 1: Tahap kepuasan pelajar terhadap pengurusan FSG (HEP)

Platform e-Aduan dan maklum balas pelanggan disediakan secara dalam talian melalui **Google Form atau kod QR** selepas pelajar berurusan di pejabat HEP. Maklum balas yang diterima menunjukkan **lebih 80% responden memilih *rating* sangat berpuas hati** bagi setiap kategori perkhidmatan. Ini menunjukkan bahawa pelajar sangat gembira dengan pekhidmatan yang diberikan (Rajah 5.4.1(1)).

PEMANTAUAN 2: Tahap kepuasan akademik pelajar melalui penilaian SUFO

Maklum balas pelajar menunjukkan **peningkatan tahap kepuasan akademik**, dengan **peratusan purata markah penilaian pensyarah 90%-100% meningkat daripada 61% (2022) kepada 72% (2023) dan 77% (2024)** (Rajah 5.4.1(2)). Ini membuktikan keberkesanan dalam pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar yang cemerlang.

PEMANTAUAN 3: Maklumbalas pelajar terhadap pengurusan kemudahan fasiliti FSG

Bagi memastikan kelestarian pencapaian akademik pelajar, pihak Pengurusan Kanan FSG telah melaksanakan pemantauan terhadap kecekapan sumber manusia dalam menyampaikan perkhidmatan seperti kemudahan fasiliti fakulti (makmal, ruang pembelajaran, dan kemudahan ICT). Pemantauan ini dilaksanakan melalui pengagihan borang soal selidik melalui **Google Form** yang dibantu oleh **Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF)**. Daripada maklum balas yang diterima, semua **aduan berstatus 100% selesai**. Ini menunjukkan keberkesanan serta dedikasi sumber manusia FSG terhadap kesejahteraan pelajar dan kualiti persekitaran pembelajaran (Rajah 5.4.1(3)).

PEMANTAUAN 4: Pemantauan Kecemerlangan Akademik (Siswazah dan Pascasiswazah)

Pemantauan akademik pelajar siswazah dan pascasiswazah dijalankan **secara berstruktur melalui mesyuarat berkala dan laporan kemajuan akademik (siswazah dan pascasiswazah)** (Jadual 5.4.1(4), Rajah 5.4.1(4a-4c)). Ini bertujuan memastikan perkembangan pengajian berjalan mengikut jadual yang ditetapkan dan sebarang isu dapat dikenal pasti serta ditangani dengan berkesan yang seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara menyeluruh.

PEMANTAUAN 5: Pemantauan Akademik Melalui Sesi Perjumpaan Bersama Penasihat Akademik

Pemantauan akademik melalui sesi perjumpaan bersama penasihat akademik dilaksanakan secara berkala bagi memastikan prestasi dan hala tuju pelajar dipantau dengan lebih berkesan (Rajah 5.4.1(5)). Sesi ini juga menjadi platform penting untuk membincangkan cabaran yang dihadapi pelajar, merancang strategi akademik, serta memberi bimbingan yang dapat menyokong peningkatan kecemerlangan mereka secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_S01_SB04_SC01_20251_Bukti Kriteria 5 Pemantauan \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB04_SC01_20252_Bukti Kriteria 5 Pemantauan \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB04_SC01_20253_Bukti Kriteria 5 Pemantauan \(3\).pdf](#)

4. [K0019_S01_SB04_SC01_20254_Bukti Kriteria 5 Pemantauan \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB04_SC01_20255_Bukti Kriteria 5 Pemantauan \(5\).pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Faktor dalaman dan luaran yang menjadi risiko dalam Pengurusan sumber manusia dikenalpasti dan dipantau melalui Unit Pengurusan Risiko FSG, diketuai oleh Penyelaras Risiko (Rajah 5.4.2(1a)) yang memainkan peranan penting dalam penyelarasan risiko di FSG.

Mesyuarat Pengurusan Risiko diadakan pada setiap 4 bulan bagi menangani risiko dan menyemak keberkesanan tindakan penambahbaikan (Rajah 5.4.2(1b)). Pengurusan Kanan FSG telah mengenal pasti risiko berkaitan sumber manusia bagi bidang tumpuan dan mendaftarkan risiko berikut di dalam sistem eRMS.

RISIKO 1: Ketiadaan Profesor dan Profesor Madya Dalam Pusat Pengajian.

Bilangan Profesor Madya yang layak memohon jawatan Profesor serta Pensyarah Kanan yang berkelayakan ke jawatan Profesor Madya semakin berkurangan. Walaupun terdapat calon yang memenuhi syarat, minat memohon kenaikan pangkat masih rendah. Keadaan ini berisiko menjejaskan imej dan reputasi fakulti sebagai pusat rujukan pakar, selain memberi kesan kepada pengambilan pelajar pascasiswazah akibat keterbatasan pilihan penyelia yang pakar dan berpengalaman. Bagi menangani isu ini, Pengurusan Kanan FSG menganjurkan bengkel bersama calon berkelayakan, mengenal pasti beberapa calon berpotensi serta memberi motivasi dan bimbingan sewajarnya (Rajah 5.4.2(2)).

RISIKO 2: Program Pelajar Yang Tidak Mencapai Objektif Yang Ditetapkan.

Antara faktor yang mungkin menyumbang kepada perkara ini adalah disebabkan oleh penglibatan **Penasihat Persatuan Dalaman yang kurang proaktif**. Risiko ini berpotensi menjejaskan pencapaian PI fakulti dengan tidak membantu memenuhi sasaran program. Perkara ini berlaku apabila persatuan dalaman pelajar tidak menerima bimbingan yang sewajarnya dari Penasihat.

Sebagai langkah pencegahan, FSG telah menjayakan program pemerksaan kompetensi Penasihat Persatuan Dalaman melalui penganjuran Bengkel Pemetaan PI HEP bagi tahun 2025 bagi memastikan setiap program mencapai objektif dan memberi impak kepada FSG. Disamping itu, cadangan mewujudkan Pra-JPPP (Jawatankuasa Pengurusan & Pembangunan Pelajar) dan Mesyuarat Pengurusan HEP secara berkala telah diusulkan (Rajah 5.4.2(3)).

RISIKO 3: Isu Integriti Dalam Kalangan Staf.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko FSG juga turut membincangkan **risiko kewujudan isu-isu berkaitan integriti seperti penipuan, kecurian maklumat atau harta universiti, rasuah, salah guna kuasa, penggunaan harta intelek dan penipuan dalam pengurusan**. Risiko ini memberi impak seperti menjejaskan reputasi FSG, hilang kepercayaan pemegang taruh, kerugian kewangan dan menjejaskan pengoperasian pejabat serta PdP pelajar. Sebagai langkah menangani risiko ini, Program Ikrar bebas Rasuah telah dijalankan (Rajah 5.4.2(4 - 5)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB04_SC02_20251_Bukti Kriteria 5_Kenal Pasti Risiko \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB04_SC02_20252_Bukti Kriteria 5_Kenal Pasti Risiko \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB04_SC02_20253_Bukti Kriteria 5_Kenal Pasti Risiko \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB04_SC02_20254_Bukti Kriteria 5_Kenal Pasti Risiko \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB04_SC02_20255_Bukti Kriteria 5_Kenal Pasti Risiko \(5\).pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko yang telah dikenal pasti di bahagian 5.4.2 dianalisa secara menyeluruh dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko FSG. Proses ini melibatkan hasil maklum balas serta tindakan penambahbaikan bersasar yang memberi manfaat kepada para pelajar FSG.

PENAMBAHBAIKAN 1: Bengkel bersama pensyarah yang layak memohon kenaikan pangkat

Laporan statistik permohonan kenaikan pangkat pensyarah FSG menunjukkan, jumlah permohonan kenaikan pangkat pensyarah FSG kekal sederhana antara 11 hingga 18 permohonan dengan kadar kejayaan antara 4 hingga 13 orang setahun pada tahun 2021 hingga 2023. Namun pada **tahun 2024, jumlah permohonan melonjak kepada 24, iaitu hampir dua kali ganda** berbanding tahun sebelumnya, dan kesemuanya masih dalam proses penilaian termasuk **7 yang telah disokong ke peringkat temuduga** (Rajah 5.4.3(1a - 1b)). Perkara ini turut dikongsikan kepada warga FSG ketika Taklimat Pengurusan Kanan. Ucapan tahniah berkenaan kenaikan pangkat pensyarah turut diwar-warkan di media sosial Rajah 5.4.3(1b).

PENAMBAHBAIKAN 2: Pemerkasaan Kompetensi Penasihat Persatuan Dalaman

Laporan statistik pencapaian 10 PI HEP FSG 2024 menunjukkan **90% pencapaian target** selaras dengan sasaran. Dengan pemantauan berterusan serta peranan aktif penasihat persatuan dalaman, **risiko kegagalan berjaya diatasi dan PI HEP mengekalkan prestasi positif** hampir sepenuhnya mencapai sasaran tahun 2024 (Rajah 5.4.3(2)). Strategi penambahbaikan di masa hadapan, Unit HEP FSG telah menganjurkan Bengkel Pemetaan PI HEP 2025 bersama Majlis Perwakilan Pelajar, Sekretariat Mahasiswa Fakulti dan Persatuan Dalaman yang turut dihadiri oleh Penasihat Persatuan bagi merancang pelaksanaan program tahun 2025.

PENAMBAHBAIKAN 3: Penghayatan DNA integriti

Pengurusan Kanan FSG menyambut baik program penghayatan integriti yang disebar luas melalui email DNA Integriti oleh Bahagian Integriti UiTM. Melalui email ini, **Pengurusan Kanan FSG memaklumkan kepada warga FSG melalui sesi Taklimat Pengurusan Kanan FSG**, supaya bersama-sama menekankan nilai-nilai amanah, tanggungjawab, dan ketelusan kepatuhan kepada undang-undang dan etika profesional (Rajah 5.4.3(3)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB04_SC03_20251_Bukti Kriteria 5_Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB04_SC03_20252_Bukti Kriteria 5_Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB04_SC03_20253_Bukti Kriteria 5_Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB04_SC03_20254_Bukti Kriteria 5_Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB04_SC03_20255_Bukti Kriteria 5_Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan \(5\).pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan sumber manusia yang berkesan dalam institusi pendidikan ialah nadi utama yang menyokong pencapaian akademik dan perkhidmatan berkualiti. Di FSG, pendekatan kolaboratif yang diambil dalam pengurusan sumber manusia terbukti dapat mencipta inovasi yang positif dan berkekalan. Integrasi strategi yang dirangka bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan pelajar yang holistik dan berdaya saing, tetapi juga untuk menghargai keperluan sumber manusia yang bersifat dinamik.

Pertama sekali, melalui kaedah “**Gain**”, pengurusan FSG telah melantik penasihat persatuan daripada kalangan staf akademik yang berpengalaman luas dan membentuk **7 jawatankuasa persatuan pelajar** melalui undian dengan penglibatan pelajar seramai **146 pelajar sebagai ahli jawatankuasa** dan **71 jumlah aktiviti** yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024 (Rajah 5.5(1a)). Pendekatan ini bukan sahaja memberikan peluang kepada pelajar untuk terlibat aktif dalam operasi fakulti, tetapi juga memberi pengiktirafan kepada staf yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan pelajar. Secara tidak langsung, Pengurusan kanan FSG dapat memperkukuhkan komitmen staf dalam usaha pembangunan pelajar. Ini dibuktikan melalui pelantikan **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) FSG sebagai Ejen Perpaduan Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2024 sehingga 2026** (Rajah 5.51(b)).

Seterusnya, kaedah “**Train**” memperlihatkan usaha pengurusan dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi bagi staf dan pelajar. Pelbagai program latihan dan pembangunan yang dianjurkan, seperti program kepimpinan profesional dan penglibatan dalam aktiviti seperti SULAM dan *Student Exchange Programme*, sehingga ke peringkat antarabangsa “**FSG SULAM International Roselle Valley**” berfungsi untuk mengukuhkan kemahiran staf dan kualiti pembelajaran pelajar (Rajah 5.5(1c)). Pendekatan ini tidak hanya memberi manfaat kepada perkembangan individu, tetapi juga menghasilkan inovasi dalam proses pembelajaran yang lebih fleksibel dan responsif.

Melalui pendekatan “**Reward**”, elemen yang penting dalam menggalakkan integrasi dan inovasi dalam FSG adalah melalui mekanisme penghargaan dan pengiktirafan terhadap kecemerlangan pelajar. Ini bukan sahaja memberi pengiktirafan kepada usaha pensyarah tetapi juga memotivasikan mereka untuk terus melibatkan diri dalam pembangunan pelajar. Pada tahun 2024, FSG telah memperkenalkan **Anugerah Akademik Universiti Peringkat Fakulti** dan **Anugerah Penasihat Persatuan Dalam Terbaik**, dan kedua-dua anugerah ini dikekalkan untuk tahun 2025. Hasilnya terbukti apabila staf FSG telah berjaya merangkul **3 anugerah utama** sempena **Anugerah Akademik Universiti ke-14, Universiti Teknologi MARA** (Rajah 5.5(2a)). Lebih membanggakan, **Anugerah Penyelia Terbaik** yang dimenangi oleh FSG menunjukkan UiTM mengiktiraf kecemerlangan pensyarah FSG.

Melalui pelaksanaan strategi pengurusan sumber manusia yang berkesan, FSG telah menunjukkan bahawa integrasi sumber manusia dalam pengurusan pendidikan tidak hanya menjurus kepada pencapaian akademik, tetapi juga ke arah membina ekosistem pendidikan yang menyokong perkembangan holistik pelajar. Dengan langkah pengiktirafan yang jelas, inovasi dalam proses pendidikan menjadi lebih terbuka dan berdaya saing. Sistem sokongan dan pengiktirafan ini membentuk budaya kerjasama dan saling menghargai di antara staf dan pelajar, yang merupakan elemen penting dalam membina legasi pendidikan yang berterusan di FSG dan UiTM. Bagi tahun 2024, 2 orang staf FSG adalah di antara 10 orang staf UiTM yang telah diiktiraf sebagai **Top 2% World Scientist** (Rajah 5.5(2b)). Inovasi yang terhasil daripada tindakan ini ternyata tidak hanya memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada institusi secara keseluruhan yang terus meletakkan FSG sebagai sebuah fakulti yang terkemuka di peringkat global (Rajah 5.5 (3a),(4a), (5a)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB05_20251_BUKTI KRITERIA 5_INTEGRASI \(1\).pdf](#)

2. [K0019_S01_SB05_20252_Bukti Kriteria 5_INTEGRASI \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB05_20253_Bukti Kriteria 5_INTEGRASI \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB05_20254_Bukti Kriteria 5_INTEGRASI \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB05_20255_Bukti Kriteria 5_INTEGRASI \(5\).pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kecemerlangan Operasi Mencorak Generasi *Super* Bumiputera

Fakulti Sains Gunaan (FSG) memahami bahawa pengurusan dan pembangunan pelajar merupakan teras utama dalam melahirkan modal insan yang holistik, seimbang dan berdaya saing sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju berteraskan nilai dan etika. FSG telah mengadaptasi pendekatan *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) sebagai asas kepada pengurusan operasi yang menyeluruh dan mampan. Pendekatan ini menyokong pelaksanaan **Pelan Strategik Fakulti** yang selari dengan **Pelan Strategik UiTM 2025** dan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025** yang menggariskan pembangunan pelajar dari segi akademik, sahsiah, kepimpinan dan keusahawanan

Plan - FSG telah membangunkan Model ACE (*Academic–Care–Efficiency*) yang memberi tumpuan kepada **(1) Operasi Pembangunan Akademik Pelajar ('ACADEMIC')**, **(2) Operasi Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar ('CARE')** dan **(3) Operasi Kecekapan Pengurusan Sumber ('EFFICIENCY')**. Pelan tindakan strategik (SAP) digubal melalui penglibatan kumpulan *Think Tank* yang merangka tujuh (7) projek utama, diselaraskan dengan **Objektif Kualiti FSG** dan sasaran universiti **GRU2025**.

Do - FSG telah menggerakkan pelbagai inisiatif mengikut tiga fokus utama. Di bawah komponen '*Academic*', pelaksanaan SAP **HEA–EXCELSOR** dan sistem **Early Warning Sign (EWS)** telah berjaya meningkatkan CGPA graduan dan kadar tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan (GoT). Inisiatif **Galaxy_Pub** mendorong peningkatan penerbitan berimpak tinggi yang menyumbang kepada penyenaiaan subjek fakulti dalam **QS World University Rankings**, manakala penerbitan pelajar siswazah dalam jurnal *Junior Science Communication* (JSC) menyemai budaya penulisan ilmiah sejak awal. Di bawah komponen '*Care*', FSG melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan seperti **Bilik Pitstop**, **Rak Welfare Bank**, **sistem zakat dalam talian**, dan program kesihatan mental bersama Unit Kaunseling UiTM. Pelaksanaan FSG Summer Program pula memperkukuh pengantarabangsaan pelajar. Sementara itu, bagi komponen '*Efficiency*', pelaksanaan sistem tempahan makmal atas talian, penglibatan pelajar dalam program komuniti melalui **Symbiosis_ICAN**, serta penubuhan semula persatuan pelajar berdasarkan tujuh teras utama telah meningkatkan kecekapan pengurusan fakulti.

Check - Pemantauan terhadap pelaksanaan operasi dilaksanakan secara berstruktur melalui **audit dalaman dan luaran (iQMS)**, laporan berkala kepada pengurusan, serta pemakluman melalui laman sesawang rasmi FSG. Pemantauan ini membolehkan penilaian terperinci terhadap keberkesanan pelaksanaan, seperti peningkatan **CGPA graduan** melepasi sasaran **Objektif Kualiti UiTM**, kadar GoT yang melebihi 90%, serta peningkatan bilangan program kolaborasi syarahan. Selain itu, penggunaan sistem kebajikan pelajar dan pemantauan bantuan zakat turut menunjukkan peningkatan keberkesanan hasil tindakan pemantauan.

Act - Akhir sekali, FSG melaksanakan tindakan penambahbaikan berdasarkan dapatan analisis pemantauan dan audit. Antaranya termasuk pelaksanaan projek **Inovatif Kreatif (KIK)** seperti **e-HELAI SDS** dan **Picktime** yang memudahkan penyelarasan penggunaan makmal dan peralatan. Peralatan makmal FSG telah ditambahbaik hasil daripada usaha Pengurusan Kanan FSG bagi mendapatkan peruntukan tambahan sebanyak **RM 618,754.00** demi menjamin kemenjadian pelajar FSG. Penstrukturan semula 17 persatuan dalaman FSG kepada tujuh (7) persatuan pelajar telah meningkatkan penglibatan pelajar dalam program fakulti, kebangsaan dan antarabangsa. FSG turut melancarkan tabung kebajikan melalui platform **UiTM Pay** bagi memastikan kelestarian inisiatif **FSG CARE**.

Semua inisiatif penambahbaikan ini diselaraskan dan direkodkan dalam sistem pelaporan **risiko (e-RMS)** dan dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan** dan **Mesyuarat Kaji Semula**

pengurusan (MIS) FSG secara berhad. Keseluruhan ini telah dijadikan platform utama bagi kepimpinan kanan FSG dalam penambahbaikan sistem pengurusan kualiti FSG.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bertunjangkan Pelan Strategik UiTM 2025, pengoperasian FSG bagi mencapai objektif bidang tumpuan dibentuk menggunakan **Model ACE (Academic–Care–Efficiency)** yang memberi tumpuan kepada **3 proses utama (1) Operasi Pembangunan Akademik Pelajar ('ACADEMIC'), (2) Operasi Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar ('CARE') dan (3) Operasi Kecekapan Pengurusan Sumber ('EFFICIENCY')** (Rajah 6.2(1a)). Perancangan inisiatif pelan tindakan strategik (SAP) dipacu oleh **Think Tank Group** dengan menyasarkan sinergi staf akademik dan pentadbiran. Sebanyak **12 projek SAP** berkaitan bidang tumpuan digerakkan oleh **Skuad Operasi** bagi mencapai semua objektif strategi yang dirancang (Rajah 6.2(1b)). Kesemua perancangan ini adalah berlandaskan prosedur kualiti operasi yang dirangka pengurusan FSG (Rajah 6.2(1c)). Perancangan operasi SAP ini sejajar dengan **Objektif Kualiti FSG** untuk mencapai misi **GRU2025**.

PROSES 1: Operasi Pembangunan Akademik Pelajar ('ACADEMIC')

1. Pelaksanaan pelan tindakan **SAP HEA – FSG-EXCELSOR** telah berjaya meningkatkan peratusan graduan yang bergraduat dengan CGPA melebihi 3.50 bagi graduan sarjana muda dan graduan sarjana (kerja kursus) (Rajah 6.2(2a)).
2. Program **kolaborasi syarahan** dikalangan staf akademik FSG dengan **industri dan universiti dalam dan luar negara** telah memangkin peningkatan pembangunan akademik pelajar FSG (Rajah 6.2(2b)).
3. Inisiatif **Galaxy_Pub 2024** yang merangkumi penganjuran seminar penerbitan berimpak tinggi, pemantapan sokongan kepada penerbitan pelajar pascasiswazah, serta galakan penerbitan dalam jurnal Q1 telah menjadi antara pemacu utama kepada penyenaian tiga subjek FSG dalam **QS World University Rankings 2025** (Rajah 6.2(2c)).
4. Inisiatif pembangunan program keusahawanan, eModul Pembangunan Kerjaya (eMPK) dan jalinan kerjasama industri telah melonjakkan pencapaian **Kebolehpasaran graduan FSG** kepada 90.7% pada 2024 (Rajah 6.2(2d)).

PROSES 2: Operasi Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar ('CARE')

1. Inisiatif **FSG CARE** diwujudkan dalam memastikan kebajikan pelajar FSG terus terbela melalui penyediaan bekalan makanan, minuman dan keperluan asas yang lain kepada pelajar FSG secara percuma (Rajah 6.2(3a)).
2. Transformasi daripada **'linktree'** kepada inovasi **laman web interaktif HEP** tercetus daripada isu pelaporan HEP yang kurang efisien. Inovasi signifikan ini berjaya mentransformasi akses jaringan maklumat yang mesra pelanggan kepada pelajar (Rajah 6.2(3b)).
3. Inisiatif **kutipan derma kilat** dikalangan warga FSG bagi membantu pelajar FSG yang ditimpa musibah seperti kemalangan, kematian ahli keluarga, bencana alam dan sebagainya (Rajah 6.2(3c)).
4. Inisiatif **Student Engagement** turut memperkukuh keterlibatan pelajar di peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan mobiliti *inbound* dan *outbound* (Rajah 6.2(3d)).
5. Penyediaan pautan institusi luar UiTM yang menyediakan **bantuan zakat** secara berpusat telah memudahkan para pelajar untuk memohon bantuan mengikut kelayakan masing-masing (Rajah 6.2(3e)).

PROSES 3: Operasi Kecekapan Pengurusan Sumber ('EFFICIENCY')

1. Penubuhan 7 persatuan dalaman pelajar FSG mengikut teras yang digariskan oleh **HEP UiTM** menyumbang kepada pencapaian FSG mendapat **Skor i-UiTM tertinggi 2024** (Rajah 6.2(4a)).
2. **Sistem tempahan** makmal secara atas talian membantu pelajar tahun akhir dan pelajar pascasiswazah dalam aktiviti penyelidikan mereka (Rajah 6.2(4b)).
3. Inisiatif **Symbiosis_ICAN** telah memberi peluang kepada pelajar FSG untuk terlibat dengan program pemindahan ilmu dan keterlibatan komuniti dalam dan luar negara (Rajah 6.2(4c)).
4. Inisiatif penubuhan ruang **Pit Stop** dan **Welfare Bank**, dilengkapi kemudahan seperti

COWAY, ketuhar gelombang mikro, pembakar roti dan penghawa dingin, mencerminkan komitmen FSG terhadap kelestarian kesejahteraan pelajar (Rajah 6.2(4d)).

5. Kelulusan permohonan peruntukan bagi pembelian alat kelengkapan makmal yang berjumlah **RM 1,177,950** membuktikan keazaman pihak pengurusan FSG didalam menyediakan keperluan pembelajaran yang kondusif kepada para pelajar (Rajah 6.2(4e)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_O01_OB02_20251_FSG_Lampiran Operasi 6.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB02_20252_FSG_Lampiran Operasi 6.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB02_20253_FSG_Lampiran Operasi 6.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB02_20254_FSG_Lampiran Operasi 6.2\(4\).pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSG telah mengadaptasi Model **Plan, Do, Check, Action (PDCA)** sebagai kerangka penilaian terhadap keberkesanan proses operasi utama yang menyokong pelaksanaan pelan tindakan serta pencapaian hasil dalam bidang tumpuan (Rajah 6.3(1a)). Mekanisme peluasan operasi dalam bidang tumpuan dilaksanakan melalui tiga kaedah utama yang telah dikenal pasti (Rajah 6.3(1b)).

Peringkat Fakulti

1. Hebahan program **Minggu EDU 5.0** adalah sebagai intervensi yang dilaksanakan untuk menyokong kecemerlangan akademik pelajar FSG. Antaranya termasuk Taklimat Akademik, Minggu bersama penasihat Akademik, minggu pendaftaran kursus dan hebahan pemakluman program mobiliti yang membantu pelajar dari segi persediaan akademik di sepanjang semester (Rajah 6.3(2a)).
2. Hebahan permohonan sumbangan bagi program **FSG CARE** iaitu (i) **Welfare Bank (versi 2.0)** (ii) **Pitstop** (iii) Sumbangan Buku; melalui platform media sosial (Rajah 6.3(2b)).
3. Inisiatif Program **Emotional Well Being (EWB)** hasil dari kerjasama antara HEP FSG dan Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM, merupakan sokongan psikososial kepada pelajar FSG sepanjang pengajian mereka (Rajah 6.3(2c)).

Peringkat Universiti dan Kebangsaan.

1. Laman sesawang Unit Makmal FSG membantu penyampaian maklumat kepada warga FSG dan pelanggan luar. **Penggunaan ruang makmal, tempahan radas, pencarian bahan kimia dan e-Helai SDS** boleh dirujuk oleh seluruh warga UiTM (Rajah 6.3(3a)).
2. Penglibatan pelajar FSG dalam penganjuran **Karnival STEM 2024** diperingkat sekolah menengah telah membuka peluang kepada mereka untuk berkongsi ilmu dan menarik minat dan kesedaran murid sekolah terhadap bidang sains dan teknologi (Rajah 6.3(3b)).
3. FSG meluaskan kolaborasi dengan agensi dan industri luar melalui penganjuran **Lawatan Akademik** ke institusi seperti **Samsung SDI Energy Malaysia, TNB Janamanjung dan Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI)**, sekali gus meningkatkan kefahaman pelajar terhadap aplikasi ilmu dan mengukuhkan jaringan strategik FSG dengan industri serta agensi penyelidikan (Rajah 6.3(3c)).
4. **Lawatan penanda aras** oleh **Sekretariat Pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** ke **Sekretariat Mahasiswa Fakulti, FSG**, telah membuka ruang kepada perkongsian amalan terbaik serta membina jaringan dan kolaborasi dalam kalangan mahasiswa kedua-dua institusi (Rajah 6.3(3d)).

Peringkat Antarabangsa.

1. **Laman sesawang FSG** dan **akaun media sosial FSG** (Facebook, Instagram) merupakan medium hebahan penganjuran dan pelaksanaan aktiviti pembangunan pelajar serta pencapaian dan kejayaan pelajar FSG (Rajah 6.3(4a)).
2. Perlaksanaan **Program SULAM Antarabangsa: RoselleValley 3.0** bersama **Universitas Warmadewa, Bali, Indonesia** adalah salah inisiatif memberi peluang kepada pelajar FSG mempraktikkan pengetahuan dalam pemprosesan makanan, kimia polimer dan biomas melalui aktiviti penyelidikan dan khidmat masyarakat (Rajah 6.3(4b)).
3. Penganjuran **Mental Health Awareness International Webinar** oleh FSG dengan kerjasama **Fakultas Psikologi, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau (UIN SUSKA)** bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi serta meningkatkan kesedaran masyarakat antarabangsa terhadap isu kesihatan mental (Rajah 6.3(4c)).
4. Pelaksanaan **Program Mobiliti Pelajar (Projek Tahun Akhir)** ke **Universitas Hasanuddin (UNHAS), Indonesia** dan **Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS), Indonesia** merupakan inisiatif memperkaya pengalaman pelajar melalui pelaksanaan Projek Tahun

Akhir di luar negara dalam usaha memperkukuh kerjasama antarabangsa dan peranan global UiTM (Rajah 6.3(4d)).

Perluasan operasi yang komprehensif, inventif dan efisien telah membuktikan dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus Kepimpinan Kanan FSG ke arah kelestarian pencapaian bidang tumpuan yang berimpak tinggi di peringkat global. Seajar dengan aspirasi UiTM, FSG beriltizam mencapai Globally Respected 2024 dan seterusnya diiktiraf sebagai Globally Renowned University menjelang 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB03_20251_FSG_Lampiran Operasi 6.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB03_20252_FSG_Lampiran Operasi 6.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB03_20253_FSG_Lampiran Operasi 6.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB03_20254_FSG_Lampiran Operasi 6.3\(4\).pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil jangkaan daripada pelaksanaan mekanisme pemantauan dalaman yang menyokong kepada pencapaian bidang tumpuan dinyatakan dalam Rajah 6.4.1(1). FSG telah melaksanakan aktiviti semak dan pantau yang strategik (Rajah 6.4.1(2a)). Laman sesawang **iHEP@FSG** dibangunkan sebagai medium pelaporan aktiviti dan pencapaian pelajar (Rajah 6.4.1(2b)). Semua data dianalisis secara terperinci sebelum dibentangkan dalam pelbagai mesyuarat bersama Pengurusan Kanan FSG (Rajah 6.4.1(2c)). Pemantauan pengoperasian juga dilaksanakan melalui **Audit Dalam FSG** dan **Audit Luar IQMS** oleh **InQKA** dan **BPPA** (Rajah 6.4.1 (2d)). Berikut merupakan hasil keberkesanan operasi yang dicapai oleh FSG melalui aktiviti pemantauan operasi bidang tumpuan.

Keberkesanan Operasi Pembangunan Akademik Pelajar ("ACADEMIC")

1. FSG mencatatkan **38%** (Graduan Sarjana Muda) dan **92%** (Graduan Sarjana (Kerja Kursus)) yang memperoleh **CGPA melebihi 3.50**, melepasi sasaran objektif Kualiti UiTM iaitu 25% (Graduan Sarjana Muda) dan 90% (Graduan Sarjana (Kerja Kursus)) (Rajah 6.4.1(3a)).
2. FSG mencatatkan jumlah kolaborasi syarahan bersama pihak **industri (14 aktiviti)**, **universiti tempatan (4 aktiviti)** dan **universiti luar negara (2 aktiviti)** pada 2024 (Rajah 6.4.1(3b)).
3. Peningkatan subjek FSG dalam **QS World University Rankings 2025** iaitu 3 subjek (Top 550) berbanding 2 subjek (Top 600) pada tahun 2024 (Rajah 6.4.1(3c)).

Keberkesanan Operasi Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar ("CARE")

1. Pelajar telah dilantik sebagai AJK bersama pejabat HEP bagi pengoperasian **Inisiatif FSG CARE** (Rajah 6.4.1(4a)).
2. 13 hebahan kutipan derma kilat telah diwar-warkan kepada warga FSG bagi membantu pelajar FSG yang terlibat dengan musibah seperti kematian ahli keluarga, kemalangan dan bencana alam (Rajah 6.4.1(4b)).
3. **Penganjuran FSG Summer Program** menyaksikan peningkatan penglibatan pelajar FSG sebanyak 43%, iaitu 66 pelajar (2023) kepada 117 pelajar (2024) (Rajah 6.4.1(4c)).

Keberkesanan Operasi Kecekapan Pengurusan Sumber ("EFFICIENCY")

1. FSG mencatatkan pelaksanaan sebanyak 68 aktiviti pelajar meliputi program akademik, kesukarelawanan, keusahawanan, pembangunan sahsiah dan kepimpinan (Rajah 6.4.1(5a)).
2. FSG melaksanakan 11 program SULAM tempatan dan antarabangsa (2024), berbanding 3 program SULAM (2023). Bilangan pelajar yang terlibat adalah seramai 231 pelajar (2024) berbanding 191 pelajar (2023) (Rajah 6.4.1(5b)).
3. Pihak pengurusan FSG telah menukar ruang bacaan staf menjadi bilik **Pit Stop** beserta dengan kemudahan (Rajah 6.4.1(5c)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_O01_OB04_OC01_20251_FSG_Lampiran Operasi 6.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB04_OC01_20252_FSG_Lampiran Operasi 6.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB04_OC01_20253_FSG_Lampiran Operasi 6.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB04_OC01_20254_FSG_Lampiran Operasi 6.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0019_O01_OB04_OC01_20255_FSG_Lampiran Operasi 6.4.1\(5\).pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko operasi merupakan satu pendekatan yang diambil bagi memastikan kelestarian sistem penyampaian dan pengurusan FSG. Pengurusan risiko dibuat berdasarkan **Integrasi Sistem Pengurusan Kualiti (iQMS), piawaian ISO 9001:2015 dan Panduan Pengurusan Risiko FSG (PK.UiTM.FSG.01)**. FSG memastikan pengoperasian bidang tumpuan terlaksana secara sistematik melalui lima mekanisme (Rajah 6.4.2(1)).

Kepimpinan kanan FSG memperkasakan Unit Pengurusan Risiko dengan melantik Penyelaras Risiko (PR) dan Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) (Rajah 6.4.2(2)). PR berperanan mengkoordinasi mesyuarat dan bengkel (Rajah 6.4.2(3a)) manakala JPR bertindak mengenalpasti maklumat risiko, mengkaji semula dan mengesyorkan strategi, polisi dan toleransi risiko berdasarkan carta alir operasi pengurusan risiko (Rajah 6.4.2(3b)). Seterusnya pelaporan aktiviti pentaksiran dan kawalan risiko dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR) yang diadakan tiga kali setahun dan juga Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Risiko (MKSP) yang diadakan dua kali setahun (Rajah 6.4.2(4a)). Akhirnya pelan intervensi dimuat naik ke dalam sistem pelaporan daftar risiko e-RMS (Risk Management System) (Rajah 6.4.2(4b)).

FSG telah mendaftarkan beberapa risiko operasi antaranya ialah:

Risiko 1: Masalah kesihatan mental dikalangan pelajar

Peningkatan masalah kesihatan mental dikalangan pelajar FSG boleh mempengaruhi reputasi fakulti dan universiti disamping mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Langkah mitigasi telah diambil dengan penganjuran pelbagai program peringkat fakulti dan antarabangsa bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan emosi (Rajah 6.4.2(5a)).

Risiko 2: Program pelajar tidak mencapai objektif

Penganjuran program pelajar yang tidak mencapai objektif menyebabkan program yang dijalankan tidak memberi impak seperti yang diinginkan sekaligus menyukarkan fakulti untuk mencapai KPI yang telah disasarkan.

Langkah mitigasi yang diambil adalah penganjuran program pemerksaan kompetensi penasihat persatuan dalaman dan bengkel pemetaan PI HEP. (Rajah 6.4.2(5b)). penganjuran 68 aktiviti pelajar meliputi program akademik, kesukarelawanan, keusahawanan, pembangunan sahsiah dan kepimpinan, menyumbang kepada pencapaian FSG mendapat Skor i-UiTM tertinggi 2024 (Rajah 6.4.2(5c)).

Risiko 3: Penurunan peruntukan kewangan

Pengurangan peruntukan yang diterima oleh FSG menjejaskan pencapaian PI Fakulti disamping mempengaruhi jumlah pelajar mobiliti '*inbound*' dan '*outbound*'.

Penganjuran *Summercamp* untuk meningkatkan pelajar '*inbound*' dan galakan program mobiliti projek tahun akhir ke universiti-universiti rakan di Indonesia dan Thailand bagi mobiliti '*outbound*'. Hasilnya, FSG telah menerima 11 pelajar '*inbound*' dan 8 pelajar *outbound* telah dihantar menjalani latihan industri dan projek tahun akhir (Rajah 6.4.2(5d)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB04_OC02_20251_FSG_Lampiran Operasi_6.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB04_OC02_20252_FSG_Lampiran Operasi_6.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB04_OC02_20253_FSG_Lampiran Operasi_6.4.2\(3\).pdf](#)

4. [K0019_O01_OB04_OC02_20254_FSG_LAMPIRAN_OPERASI_6.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_O01_OB04_OC02_20255_FSG_Lampiran Operasi_6.4.2\(5\).pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa pemantauan terhadap pengoperasian bidang tumpuan telah dilaksanakan oleh FSG bagi tindakan penambahbaikan berdasarkan input yang diperolehi melalui Audit Dalam FSG (Rajah 6.4.3(1a)) dan mesyuarat pelaporan berkala setiap sukuan oleh pengarah projek bersama PSTU (Rajah 6.4.3(1b)). Seterusnya tindakan susulan diambil dengan mengenalpasti proses kerja yang tidak cekap serta mempunyai kekurangan dan halangan yang boleh menjejaskan pencapaian hasil bidang tumpuan tersebut.

Penambahbaikan 1: Operasi Pembangunan Akademik Pelajar

Penambahbaikan sistem pemantauan akademik melalui **Early Warning Sign (EWS)** berjaya meningkatkan penerima Anugerah Dekan kepada 2,065 pelajar pada 2024 berbanding 1,764 (2023) dan 1,782 (2022) (Rajah 6.4.3.(2a)), Usaha ini juga berjaya meningkatkan kadar graduan menamatkan pengajian dalam tempoh ditetapkan (GoT), dengan pencapaian 90.75% bagi Sarjana Muda Sepenuh Masa. Pencapaian ini melepasi sasaran **Objektif Kualiti UiTM** (90%) (Rajah 6.4.3(2b)). Sebagai langkah penambahbaikan berterusan dalam pembangunan sahsiah dan kebolehpasaran graduan, FSG telah melaksanakan sesi perkongsian ilmu bersama alumni (**15 program**) dan pihak industri (**6 program**) sepanjang tahun 2024 (Rajah 6.4.3(2c)).

Penambahbaikan 2: Operasi Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar

Bagi memastikan kelestarian inisiatif *FSG Care* serta memperluas capaian bantuan kebajikan kepada pelajar yang memerlukan. FSG melancarkan satu tabung khas melalui platform rasmi UiTM iaitu **UiTM Pay**. Promosi dan hebahan mengenai saluran sumbangan ini juga dijalankan secara berkala melalui emel rasmi dan media sosial Fakulti bagi menggalakkan sumbangan (Rajah 6.4.3(3a)). **Inisiatif Saringan Bantuan Zakat FSG** telah berjaya memudahkan urusan pelajar FSG yang layak menerima zakat (Rajah 6.4.3(3b)).

Penambahbaikan 3: Operasi Kecekapan Pengurusan Sumber

FSG telah melaksanakan penambahbaikan berasaskan maklum balas pelajar melalui sistem SUFO dengan mengkaji semula pengoperasian proses kerja sedia ada. Hasilnya, FSG telah berjaya memperoleh peruntukan tambahan sebanyak **RM 618,754.00** bagi penambahbaikan bengkel pemprosesan polimer A103, dan pembelian dan penyelenggaraan peralatan makmal FSG (Rajah 6.4.3(4a)). Pelaksanaan projek Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) telah menambah baik prosedur operasi pengendalian makmal melalui projek **e-HELAI SDS** (Rajah 6.4.3(4b)). Pengoperasian makmal ditambahbaik melalui inovasi sistem tempahan makmal iaitu *Picktime* yang memberikan akses kepada pelajar dan penyelidik menempah slot penggunaan makmal atau peralatan secara sistematik (Rajah 6.4.3(4c)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB04_OC03_20251_FSG_Lampiran Operasi_6.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB04_OC03_20252_FSG_LAMPIRAN OPERASI_6.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB04_OC03_20253_FSG_Lampiran Operasi_6.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB04_OC03_20254_FSG_Lampiran Operasi_6.4.3\(4\).pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberhasilan pembudayaan serta penambahbaikan Model Inovasi Kecemerlangan Operasi Pengurusan dan Pembangunan Pelajar melalui model **ACE (Academic–Care–Efficiency)** telah memberikan impak signifikan bukan sahaja di peringkat UiTM malahan ke peringkat global. Melalui integrasi **SAP (Strategic Achievement Plan)** yang menyokong pelaksanaan Model **ACE**, pelbagai inisiatif berimpak tinggi telah dilaksanakan dan menunjukkan kejayaan cemerlang (Rajah 6.5.(1)). Melalui integrasi ini bukan sahaja mencapai matlamat operasi jangka pendek, malah membentuk norma dan budaya kerja yang lestari dalam kalangan warga fakulti.

Di bawah komponen **ACADEMIC**, pembudayaan kecemerlangan akademik telah diserap melalui pelaksanaan bengkel Skor Matematik (BESMAT) di mana keberkesannya dibuktikan dengan pengurangan pelajar tercicir dan peningkatan peratusan graduan mengikut masa. Selain itu, budaya penulisan ilmiah dikalangan pelajar pascasiswazah FSG terbukti dengan peningkatan yang konsisten, daripada 107 pada 2022 kepada 117 (2023) dan melonjak kepada 161 pada 2024; peningkatan 50.5% dalam tempoh tiga tahun (Rajah 6.5(2a)) dan menyumbang kepada pengiktirafan subjek FSG dalam *QS World University Rankings*. (Rajah 6.5(2b)). Keberhasilan ini mencerminkan landskap penyelidikan pascasiswazah yang semakin kondusif dan dinamik, serta keberkesanan strategi FSG dalam memupuk budaya keilmuan berteraskan inovasi serta keterlibatan di peringkat global.

Dalam aspek **CARE**, keberkesanan tindakan penambahbaikan jelas terbukti melalui pembudayaan nilai empati, sokongan sosial dan keterangkuman. Kemudahan seperti Bilik *Pitstop* dan *Welfare Bank*, yang pada awalnya inisiatif bantuan segera, kini telah menjadi sebahagian daripada sistem kebijakan rasmi fakulti FSG (Rajah 6.5(3a)). Pengurusan bantuan zakat telah diperkemas melalui sistem dalam talian yang sistematik (Rajah 6.5(3b)). Sementara itu inisiatif kesihatan mental pelajar melalui kerjasama Unit Kaunseling menonjolkan integrasi antara unit dalam menyokong pelajar secara holistik (Rajah 6.5(3c)). Untuk jangka pendek, ini meningkatkan kesejahteraan pelajar, sementara dalam jangka panjang, ia memupuk budaya penyayang dan sistem sokongan sendiri dalam kalangan pelajar (*peer-to-peer support*).

Integrasi **EFFICIENCY** memperkukuh budaya operasi FSG yang cekap dan mesra data. Penggunaan sistem tempahan makmal, pemantauan penggunaan radas, dan pelaporan prestasi melalui audit berkala memperlihatkan kesediaan FSG untuk mengadaptasi teknologi bagi meningkatkan keberkesanan operasi. Pembudayaan penggunaan sistem digital ini turut menyokong keberhasilan akademik dan penyelidikan pelajar, seperti peningkatan pelajar kelas pertama (CGPA>3.5) pelajar graduan GOT dan penyenaian 3 subjek FSG di QS Ranking (Rajah 6.5(4a))

Kesan integrasi turut dilihat melalui pembentukan struktur organisasi yang menyeluruh. Penubuhan 8 persatuan dalaman FSG yang berteraskan HEP UiTM bagi menggantikan 17 persatuan berdasarkan kursus telah membentuk ekosistem kepimpinan pelajar yang lebih inklusif. Penyelarasan unit HEP, HEA, PJIA dan Keusahawanan, menjana integrasi rentas fungsi yang menghasilkan impak jangka panjang, termasuklah peningkatan penyertaan pelajar dalam program antarabangsa dan keusahawanan (Rajah 6.5(4b)).

Secara keseluruhan, tahap pembudayaan yang dicapai telah menzahirkan transformasi daripada inisiatif berbentuk reaktif kepada satu sistem sokongan strategik dan bersepadu. Kesan jangka pendek seperti peningkatan penglibatan pelajar, pengurangan kadar keciciran dan peningkatan kesejahteraan pelajar membentuk asas kepada impak jangka panjang yang lebih signifikan – iaitu penjenamaan FSG sebagai model rujukan pengurusan fakulti holistik dan penyumbang kepada aspirasi *Globally Respected University (GRU) 2025*. Sekaligus, membuktikan bahawa, Kecemerlangan operasi mampu mencorak generasi super bumiputera.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB05_20251_FSG_Lampiran_Operasi 6.5\(1\).pdf](#)

2. [K0019_O01_OB05_20252_FSG_Lampiran_Operasi 6.5\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB05_20253_FSG_Lampiran_Operasi 6.5\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB05_20254_FSG_Lampiran_Operasi 6.5\(4\).pdf](#)
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL PERANCANGAN STRATEGIK:

PELAN STRATEGIK MAMPAN DAN LESTARI KE ARAH PEMERKASAAN

BUDAYA KECEMERLANGAN PELAJAR

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Gunaan (FSG) komited menyokong aspirasi universiti melalui pelaksanaan tiga tema strategik berlandaskan Pelan Strategik UiTM 2025. Fokus kepada keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik sebagai hasil utama bersama 3 tema berikut:

TEMA 1: Skor i-UiTM 2024 - FSG Fakulti Paling Cemerlang! Fakulti Tunggal Mengungguli Skor 90% Selama 5 Tahun berturut-turut!

TEMA 2: Keberkesanan Pengurusan Risiko melalui Pemantauan Berterusan

TEMA 3: Ketampakan Unggul FSG Melonjakkan Kebolehpasaran Graduan

Tema 1: FSG mencipta pencapaian luar biasa apabila mengekalkan penarafan tertinggi 6 bintang dalam Skor i-UiTM 2024 dengan skor 98.6%, mengatasi sasaran universiti (85%). Pencapaian ini menobatkan FSG sebagai Fakulti Paling Cemerlang! membuktikan keunggulan konsisten akademik, pengurusan dan inovasi berteraskan akauntabiliti dan integriti. Kejayaan ini hasil pelaksanaan Pelan Strategik FSG 2024 yang telus, inklusif dan berfokus. FSG terus konsisten melepasi sasaran selama tujuh tahun berturut-turut sejak 2018 hasil budaya kerja yang menitikberatkan penglibatan menyeluruh warga fakulti dan delegasi tanggungjawab secara berkesan. Prestasi tinggi setiap sukuan, khususnya lonjakan ketara pada sukuan ke-4 (Q4), membuktikan hasil semak imbang dan mitigasi risiko yang berkesan. Komunikasi dalaman yang jelas dan terbuka dan budaya kerja berteraskan kecemerlangan mengakar kukuh, telah memberi impak besar terhadap kualiti, produktiviti dan inovasi.

Tema 2: FSG mencapai 100% pelaksanaan projek SAP 2024 dan dinobatkan Juara Anugerah Kecemerlangan SAP Berterusan di AKPU 2024 hasil pengurusan risiko yang sistematik dan responsif. Meskipun hanya 12 aktiviti pelajar didaftarkan, FSG mencatat SAP 2024 tertinggi (96.60%), membuktikan keutamaan terhadap kualiti berbanding kuantiti, dengan penekanan pada akauntabiliti dan pemerksaan pelajar. Komitmen kepada keterangkuman, komunikasi strategik, serta delegasi berstruktur menyokong pencapaian Skor i-UiTM tertinggi (98.6%) dengan peningkatan 6.5% pada Q4. Melalui penglibatan menyeluruh, integriti tadbir urus, serta keberkesanan audit dan analisis SWOT, FSG merealisasikan 100% inisiatif strategik dan menerima pengiktirafan Anugerah Pengurusan *Self Review Report* Terbaik Tahun 2024.

Tema 3: FSG mengukuhkan reputasinya sebagai peneraju dalam melahirkan graduan berdaya saing global melalui pelaksanaan inisiatif strategik peningkatan kebolehpasaran berteraskan akauntabiliti, penglibatan industri, dan komunikasi berkesan pemegang taruh, selaras dengan aspirasi UiTM sebagai Universiti Tersohor Dunia berteraskan lokaliti. Buat julung kalinya, FSG mencatat kadar kebolehpasaran 90.7% (2024) melebihi sasaran minimum nasional. Peningkatan konsisten pasca pandemik membuktikan amalan cekap pengurusan risiko dan pendekatan pembangunan pelajar yang inklusif. FSG mengekalkan kedudukan kelompok TOP 5 terbaik di UiTM bagi 5 tahun berturut-berturut bagi graduan bekerja di Multinational Company (MNC). Bidang Sains dan Teknologi serta Sains Makanan di FSG meraih penarafan 6 bintang kebolehpasaran graduan UiTM, memperkukuh peranan FSG dalam menyumbang kepada SDG 4 (Pendidikan Bermutu) dan SDG 8 (Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi). Graduan FSG yang berkemahiran teknikal, insaniah dan profesional memperkukuh jaringan antarabangsa dan daya saing UiTM dalam QS Ranking.

Kesimpulannya, kesemua tema dilaksanakan secara berfasa sepanjang tahun 2024 dengan penglibatan menyeluruh warga fakulti. Penekanan diberi pada integrasi strategi, pelaksanaan dan pemantauan, selaras dengan usaha meningkatkan daya saing FSG di peringkat nasional dan antarabangsa bagi menyokong aspirasi UiTM sebagai universiti unggul menjelang 2025. Kesemua operasi ini berpaksikan kepada kecemerlangan pelajar, tindakan berimpak langsung terhadap pembangunan sahsiah, kebolehpasaran dan kesiapsiagaan pelajar menghadapi cabaran antarabangsa.

FSG Peneraju Kecemerlangan! Membimbing Generasi, Menyemai Kepimpinan, Mengoptimumkan Potensi & Membina Kesarjanaan

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0019_HB02_20251_Hasil 1-Perancangan Strategik-TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0019_HB03_20252_Hasil 1-Perancangan Strategik-TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0019_HB04_20253_Hasil 1-Perancangan Strategik-PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0019_HB05_20254_Hasil 1-Perancangan Strategik-KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN PELANGGAN:

PELAJAR NADI KECEMERLANGAN FSG:

MEMACU INOVASI, PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI ANTARABANGSA.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik selaras Perancangan Strategik UiTM2025, FSG telah memperkukuh peranannya dalam melahirkan pelajar holistik bertaraf global menerusi 4 tema seperti berikut:

TEMA1: Bakat Pelajar FSG Menyinar di Arena Global Melalui Penyelidikan Dan Inovasi

TEMA 2: Pembangunan Pelajar Holistik Bertaraf Global Diterajui Staf FSG Berwibawa

TEMA 3: Sinergi Industri Menerajui Kecemerlangan Graduan

TEMA 4: Hubungan Komuniti Tempatan Dan Antarabangsa Membentuk Kepimpinan Pelajar

Tema 1: FSG terus unggul menggilap bakat pelajar dalam penyelidikan dan inovasi. Kecemerlangan pelajar terserlah melalui penulisan artikel berimpak tinggi sebagai penulis utama yang melonjakkan reputasi UiTM di persada global. Deretan kemenangan di pertandingan inovasi membuktikan kemampuan pelajar FSG sebagai inovator muda yang kreatif dan berdaya saing. Hasil ciptaan didaftarkan sebagai harta intelek, manakala program sangkutan penyelidikan antarabangsa menyerlahkan kualiti bakat serta penerimaan institusi global memperkukuh DNA penyelidikan UiTM.

Tema 2: Kecemerlangan pelajar FSG sebagai penyelidik muda berdaya saing terserlah melalui penghasilan penerbitan bersama, pembentangan di persidangan antarabangsa serta penglibatan aktif sebagai pembantu penyelidik pascasiswazah. Kejayaan ini dipacu oleh ekosistem akademik berkualiti yang menyokong Pelan Strategik UiTM2025: Quality Education melalui kurikulum terkini. Hasilnya, keunggulan pelajar diiktiraf melalui penganugerahan Graduan Terbaik UiTM ke-99, Anugerah Cemerlang Penyelidikan Alumni UiTM, Pingat Emas Yayasan Budiman UiTM serta anugerah profesional termasuk IKM/RSC Synthomer Award, IKM Research Prize dan IKM Graduate Chemistry Medal. Hal ini didukung oleh kewibawaan staf yang berkaliber dan berkelayakan memperkukuh agenda Pelan Strategik UiTM2025: Research Excellence

Tema 3: Sinergi dinamik FSG bersama industri antarabangsa, GLC dan MNC melalui MoU/MoA baharu membuka peluang latihan, pemindahan teknologi dan penyelidikan eksklusif kepada pelajar. Kerjasama ini menjadi pemangkin melahirkan 'permata industri' berkemahiran tinggi menghadapi Revolusi Industri 4.0, AI dan transformasi digital. Kurikulum bersepadu industri memperkukuh kemahiran teknikal serta insaniah, menjadikan mereka pilihan utama majikan. Hasilnya, kebolehpasaran graduan FSG melonjak kepada 90.7% pada 2024.

Tema 4: Pelajar FSG sebagai Duta Kepimpinan Komuniti Glokal menyokong agenda sosial berteraskan pemindahan ilmu dan inovasi. Kejayaan penganjuran Program SULAM RoselleValley terbukti apabila berjaya membantu komuniti tempatan dan antarabangsa menghasilkan produk berpotensi sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi setempat. Hal ini turut disokong dengan aktiviti pembudayaan STEM di sekolah yang mencetuskan minat

generasi muda meyakini pelajar FSG sebagai Agen Perubahan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Pelajar FSG turut tampil sebagai Ikon Kelestarian Alam melalui aktiviti kesukarelawanan berfokus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar termasuk kesedaran mengenai kepentingan biodiversiti seperti penanaman pokok dan pembersihan pantai. Inisiatif ini memperkukuh kecemerlangan pelajar FSG di persada global serta menyokong agenda SDG.

Kesimpulannya, kecemerlangan pelajar FSG terserlah melalui kepelbagaian pencapaian dalam penulisan, penyelidikan, inovasi, kolaborasi industri dan kepimpinan komuniti global. Keunggulan ini bukan sahaja melonjakkan reputasi UiTM di pentas global, malah melahirkan graduan berdaya saing, berintegriti, berkemahiran tinggi dan berjiwa sukarelawan yang menjadi pemacu utama agenda UiTM2025 serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

FSG mendidik graduan holistik berdaya saing melalui kecemerlangan penyelidikan, inovasi, sinergi industri dan kepimpinan komuniti

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0019_HB02_20251_FSG_Lampiran Hasil Tumpuan Pelanggan - 7.2.2 Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0019_HB03_20252_FSG_Lampiran Hasil Tumpuan Pelanggan - 7.2.3 Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0019_HB04_20253_FSG_Lampiran Hasil Tumpuan Pelanggan - 7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0019_HB05_20254_FSG_Lampiran Hasil Tumpuan Pelanggan - 7.2.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN KEPADA OPERASI:

PENGOPERASIAN YANG DINAMIK MEMBENTUK PELAJAR UNGGUL DAN HOLISTIK

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Menerusi kanta **Perancangan Strategik UiTM2025** iaitu '**Well-Balanced Graduates**', **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) 2015-2025** menjadi rujukan utama dalam perancangan operasi **Fakulti Sains Gunaan (FSG)**, sejajar dengan usaha **Universiti Teknologi MARA (UiTM)** memartabatkan pendidikan tinggi berkualiti dan berimpak tinggi kepada negara.

FSG mengadaptasi pelan ini dengan menumpukan kepada penyediaan bakat terbaik negara, pemindahan ilmu, mobiliti antarabangsa serta pembangunan holistik pelajar yang berteraskan nilai **ESI (Excellence, Synergy, Integrity) & iDART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab)** selaras dengan aspirasi "**Globally Respected 2024, Locally Rooted**" sebagai tema transformasi organisasi UiTM yang menekankan transformasi pelajar dari segi etika, kemahiran kepimpinan, jati diri, dan kemahiran abad ke-21. FSG turut menggalakkan **semangat keusahawanan** dalam kalangan pelajar melalui program pengkomersialan sehingga berjaya **merekodkan jualan sebanyak RM65,665.00** dan latihan kemahiran praktikal yang dapat membina daya saing serta inovasi kreatif bagi menghadapi cabaran pasaran kerja masa depan. Selaras dengan itu, FSG juga mengintegrasikan elemen **kesukarelawanan** melalui aktiviti komuniti dan kerja amal yang membina tanggungjawab sosial dan empati dalam kalangan pelajar, sekali gus memupuk kepedulian terhadap masyarakat sekeliling. Pelajar FSG berjaya menempa nama di persada **nasional dan antarabangsa**, apabila diangkat sebagai **Ikran Anak Muda** melalui media tempatan dengan **PR value RM23,915.00**, dan meningkatkan visibiliti UiTM sehingga mencatat pencapaian **667% melalui mobiliti outbound**.

FSG juga melaksanakan penstrukturan semula dan pengoptimuman **operasi Pembangunan dan Pengurusan Pelajar** bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan hala tuju ke hadapan, seiring dengan lonjakan utama dalam **Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM) 2025-2035** yang menekankan inovasi, pengantarabangsaan, dan pembelajaran holistik, dan telah diiktiraf dalam **kategori e-content (OER) melalui anugerah Exceptional Achievement dan 2 Gold Awards di eCondev 2024**. Amalan pengurusan risiko FSG yang merangkumi pemantauan berterusan, penyediaan pelan tindakan, kajian penambahbaikan serta penekanan terhadap kebajikan pelajar, dimestikan agar dapat membina kesedaran serta sikap bertanggungjawab dalam kalangan pelajar, sekaligus menjadikan pengalaman berpersatuan lebih bermakna serta meningkatkan keberkesanan dan kualiti aktiviti persatuan tersebut, terbukti apabila barisan pelajar FSG diberi peluang untuk terlibat sama di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pelajar (JPPP)**. Selain itu, di peringkat pascasiswazah, penglibatan pelajar dalam **pembangunan polisi dan piawaian**, termasuk kerjasama dengan agensi luar seperti SIRIM, memperkukuh ekosistem pendidikan yang inklusif dan relevan dengan keperluan semasa, seterusnya menyokong matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi melahirkan graduan yang seimbang, holistik, dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Dengan pendekatan ini, FSG dapat menyumbang secara langsung kepada **Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan** berkualiti yang diperlukan untuk kemakmuran bersama negara, selaras dengan visi dan misi UiTM berpaksikan kepada **Pelan Pembangunan Pendidikan Negara**, ke arah **Tema Strategik 9 (Sustainable Funding) UiTM2025**.

Terdapat **4 tema** dalam hasil utama tumpuan operasi yang membuktikan keberhasilan amalan serta penambahbaikan **Model Inovasi Kecemerlangan Operasi Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** FSG melalui **model ACE (Academic–Care–Efficiency)**; selari dan sejajar dengan Kategori 6 (Tumpuan kepada Operasi). Tema ini terdiri daripada:

TEMA 1: Kecekapan Operasi *Academic-Care-Efficiency* (ACE) Membentuk Mahasiswa Cemerlang dan Berinspirasi

TEMA 2: Operasi Mobiliti Antarabangsa: Pemangkin Pelajar FSG Bertaraf Global

TEMA 3: Pendekatan Operasi Akademik (PdP) Komprehensif Menjamin Pelajar FSG Berkualiti

TEMA 4: Operasi Holistik FSG Menyatupadukan Kecemerlangan Bakat dan Kesejahteraan Pelajar

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0019_HB02_20251_7.3.2 TAHAP HASIL 3 AKNC2025.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0019_HB03_20252_7.3.2 TREN HASIL 3 AKNC2025.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0019_HB04_20253_7.3.2 PERBANDINGAN TANDA ARAS HASIL 3 AKNC2025.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0019_HB05_20254_7.3.5 KEPENTINGAN HASIL 3 AKNC2025.pdf](#)